

# PERCERAIAN BAGI PERKAHWINAN YANG BERUSIA KURANG DARI TEMPOH SATU TAHUN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING

## *Divorce for Marriages That are Less Than a Year in Petaling District Shariah Court*

**Solihah Mansor**

*Graduant, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
solihahmansor547@gmail.com*

**Mohd Norhusairi Mat Hussin (Corresponding Author)**

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
husairi@um.edu.my*

### ABSTRACT

*This study examines divorce cases for marriages less than a year that were registered in the Petaling District Shariah Court. Divorce statistics generally continue to show an increasing trend, but it is more worrying when records show that divorces for marriages that are less than a year have also increased. Among the objectives of this study is to examine the concept of divorce according to the Islamic perspective and its practice according to Islamic Family Law in Malaysia. In addition, this study was also conducted to analyze cases of divorce for marriages that are less than a year in more detail from the aspects of the age range of the couple, their level of education, their level of financial and economic stability, the number of their current marriages and the method of the divorce as well as to identify the factors lead to the divorce for marriages that are less than a year. The data has been collected through library research, documentation and interviews while the data obtained were analyzed using thematic methods.*

*Document sources are derived from the files in the Petaling District Shariah Court. The study found that the main factors that lead to this problem are economic and financial instability, neglect of responsibilities, attitude and moral problems, physically and mentally weak and third party intervention in the marriage.*

**Keywords:** *divorce, age of marriage less than a year, Petaling District Shariah Court, factors of divorce*

## **PENDAHULUAN**

Syariat perkahwinan diciptakan oleh Allah SWT sebagai satu jalan keluar dari kancan maksiat sekali gus menjadi panduan atau jalan bagi memenuhi fitrah manusia yang ingin hidup berpasang-pasangan (Muhammad Ali 2020, 15). Kenikmatan perkahwinan ini hanya dapat dirasakan oleh mereka yang benar-benar menghayati dan mendalami konsep perkahwinan itu berlandaskan ajaran agama Islam. Antara matlamat utama dalam sesebuah pernikahan adalah bagi mencapai sebuah ikatan ataupun keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah. Sekiranya bahtera perkahwinan itu berjaya dikemudikan dengan baik serta berlandaskan prinsip-prinsip agama Islam yang sebenar, maka sudah pastilah sebuah institusi keluarga yang bahagia itu dapat dibina. Namun jika sesebuah pernikahan itu tidak diberikan penekanan terhadap penghayatan agama, maka ianya pasti akan berdepan dengan pelbagai masalah dan kesulitan. Perkahwinan yang sinonimnya menggambarkan kebahagiaan itu boleh bertukar kepada derita, kesedihan, kucar kacir dan sebagainya akibat masalah dalam rumah tangga yang tidak dapat diselesaikan. Natiujahnya, pasangan suami isteri ini akan saling menyalahkan antara satu sama lain serta tidak lagi memainkan peranan yang sepatutnya mereka mainkan disebabkan tidak adanya lagi rasa tanggungjawab dalam rumah tangga tersebut. Hal sebeginilah yang akan membawa kepada berlakunya perceraian dalam sesebuah ikatan perkahwinan.

Rentetan itu, perceraian kini dilihat seperti fenomena global dalam kehidupan masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga perkahwinan yang berjaya diselamatkan setelah melalui beberapa proses perdamaian dan rundingan sama ada ianya dilakukan berdasarkan inisiatif pasangan itu sendiri mahupun dengan bantuan pihak mahkamah. Tetapi bagi perkahwinan yang tidak menemui jalan penyelesaian terbaik setelah pelbagai usaha dibuat, maka Islam sebagai satu agama yang lengkap itu menyediakan satu solusi ataupun jalan keluar bagi menyelesaikan isu ini dengan berhemah iaitu melalui pembubaran perkahwinan (Sudirman 2018, 68). Pada dasarnya, semua orang berkahwin bagi tujuan mendapatkan sakinah iaitu kebahagiaan.

Model keluarga sakinah ini tentunya menjadi impian dan dambaan setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga sejak dari hari pertama pernikahan mereka. Namun sayangnya, tidak semua pasangan mendapatkan apa yang diimpikan mereka di mana sebahagian mereka yang kurang bernasib baik dalam rumah tangga perlu memilih perpisahan sebagai jalan penyelesaian yang terakhir.

Walaupun semua orang yang berkahwin tidak pernah menginginkan perceraian, namun kes perceraian masih kerap berlaku dalam kalangan masyarakat. Buktinya didapati di mahkamah, kes perceraian yang dikendalikan tidak pernah reda malah ianya cenderung meningkat saban hari. Bahkan, menurut Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari menerusi satu laporan akhbar, kes perceraian melibatkan pasangan Islam di Selangor amat membimbangkan dengan jumlah pendaftaran permohonan cerai sebanyak 24,063 kes bagi tahun 2017 dan 2018 lebih parah lagi kata beliau, lebih 20 peratus daripada jumlah itu merupakan pasangan yang baru berkahwin.<sup>1</sup>

Terdapat kajian yang menemukan bahawa banyak perceraian yang terjadi berlaku dalam tempoh lima tahun awal perkahwinan (Shabuddin et al., 2016: 36-52). Lebih teruk lagi, ada juga pasangan yang bercerai sebelum perkahwinan mencecah usia setahun. Perkara ini turut diakui oleh Yang Arif Hakim MRS Petaling yang menyatakan bahawa 40 peratus daripada kes perceraian melalui kaedah '*fast track*' dan tuntutan pengesahan lafaz cerai di MRS Petaling adalah melibatkan pasangan yang perkahwinan mereka belum pun mencapai usia satu tahun.<sup>2</sup>

Bahkan baru-baru ini, kita digemparkan dengan kes pembunuhan seorang wanita dan seorang bayi berusia 2 bulan yang dibunuh oleh suaminya sendiri yang juga merupakan bapa kepada bayi tersebut. Difahamkan pasangan ini baru sahaja berkahwin di mana usia perkahwinan mereka belum pun cukup satu tahun lagi.<sup>3</sup> Logiknya, tempoh awal perkahwinan ini wajarnya menjadi satu detik yang begitu manis pada setiap pasangan yang baru berkahwin akan

---

<sup>1</sup> Aminnuralif, M. (2019, September 17). Kes Cerai Pasangan Islam di Selangor Membimbangkan. Sinar Harian Online. Retrieved July 5, 2022, from <https://www.sinarharian.com.my/article/48213/edisi/selangor-kl/kadar-permohonan-perceraian-di-selangor-membimbangkan>

<sup>2</sup> Tuan Ali Najmi Noordin (Hakim Dewan 3 Mahkamah Rendah Syariah Petaling), dalam temubual dengan penulis, 5 Julai 2022

<sup>3</sup> Isahak, Z. (2022, July 4). Desakan hidup dipercayai punca lelaki kelar isteri, bayi. Retrieved July 5, 2022, from Sinarharian website: <https://www.sinarharian.com.my/article/209955/BERITA/Semasa/Desakan-hidup-dipercayai-punca-lelaki-kelar-isteri-bayi>.

tetapi banyak pasangan pada hari ini telah bercerai dalam tempoh ini. Jadi dimanakah silapnya?

Setiap perceraian yang berlaku itu pasti ada punca dan faktor di sebaliknya. Maka penulisan ini selain daripada menganalisis kes perceraian perkahwinan kurang dari setahun dengan menekankan beberapa aspek turut akan memfokuskan kepada huraian dan perbincangan tentang faktor bagi perceraian yang melibatkan perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun ini di Mahkamah Rendah Syariah Petaling.

## **METODOLOGI**

Kajian ini secara asasnya menggabungkan dua bentuk metodologi kajian iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Pengumpulan data dibuat melalui kaedah perpustakaan, dokumentasi dan temu bual manakala data yang dikumpulkan dianalisis melalui kaedah tematik. Kaedah perpustakaan digunakan bagi meneliti konsep perceraian menurut perspektif syarak serta Undang-undang Keluarga Islam iaitu dengan merujuk bahan-bahan ilmiah di perpustakaan seperti kitab muktabar, buku, jurnal, kertas kerja, statut dan majalah ilmiah. Kaedah dokumentasi dan temu bual pula digunakan dalam menganalisis kes serta mengenal pasti faktor perceraian bagi perkahwinan kurang dari satu tahun. Dokumen tersebut antaranya merupakan fail-fail kes yang dirujuk di Mahkamah Rendah Syariah Petaling serta perangkaan data yang didapatkan daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) manakala temu bual pula dijalankan terhadap dua responden iaitu Hakim MRS Petaling serta Peguam Syarie yang berpengalaman. Di samping itu, proses penganalisan data-data terkumpul pula menggunakan pendekatan analisis tematik. Analisis tematik ini digunakan bagi mengklasifikasikan data-data bagi membentuk tema yang berpadanan untuk menjawab soalan kajian dalam kajian ini. Pengkaji merasakan kaedah ini sesuai untuk membantu penulis membina analisis dengan cara yang paling padat serta memudahkan pembaca meneliti penemuan yang diperoleh hasil daripada kajian ini iaitu melalui pecahan kepada beberapa tema yang telah dibentuk.

## **KONSEP PERCERAIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

### **1. Definisi *Ṭalāq***

Perceraian disebutkan sebagai *ṭalāq* dalam Bahasa Arab. *Ṭalāq* dari segi bahasa ertinya melepaskan atau meleraikan ikatan manakala menurut istilah

pula ertinya meleraikan atau melepaskan hubungan pernikahan dengan lafaz *ṭalāq* atau lafaz yang serupa dengannya. Sebahagian daripada ulama' fiqh pula, memberikan definisi *ṭalāq* itu kepada sesuatu yang boleh membubarkan ikatan pernikahan sama ada ianya boleh terubur secara serta merta atau di suatu masa yang akan datang dengan lafaz *ṭalāq* atau sewaktu dengannya (Wahbah al-Zuhaylī, 2010: 356). Selain daripada lafaz *ṭalāq*, ada juga lafaz lain yang boleh dikira syarak sebagai lafaz yang boleh menyebabkan teruburnya sesebuah pernikahan iaitu lafaz *al-firāq* yakni pisah dan lafaz *al-sarāh* yakni cerai (Muhammad Khātib al-Sharbīnī, 2009: 370).

Fuqaha Shāfi'ī mentakrifkan *ṭalāq* sebagai melepaskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz *ṭalāq* dan seumpama dengannya (Muhammad al-Khātib al-Sharbīnī, 1958: 279). Fuqaha Ḥanafī pula memberikan takrifan *ṭalāq* sebagai memutuskan ikatan perkahwinan serta merta (dengan *ṭalāq bā'in*) atau dalam satu tempoh masa (dengan *ṭalāq raj'ī*) menggunakan lafaz tertentu (Muhammad Amīn Ibn 'umar Ibn 'Abidīn et al. 1966: 226-227). Manakala Fuqaha Mālikī mendefinisikan *ṭalāq* sebagai merungkai ikatan yang sah melalui pernikahan (Abdurrahmān al-Jazīrī, 2017: 576). Akhir sekali, Fuqaha Ḥanbalī mentakrifkan *ṭalāq* menurut syarak sebagai melepaskan ikatan pernikahan (Ibn Qudāmah al-Maqdisī, 1923: 96). Berdasarkan kepada kesemua takrifan yang telah diberikan, takrif dan pengertian yang diberikan oleh fuqaha Ḥanafī dilihat paling dekat dan sinonim dengan amalan *ṭalāq* pada masa kini di mana ianya mencakupi *ṭalāq raj'ī* dan *ṭalāq bā'in* (Salleh Ismail, 2003: 4).

## 2. Hukum *Ṭalāq*

Dalil yang memperlihatkan dibukanya pintu perceraian dapat ditemukan di dalam al-Qur'ān dan juga hadis misalnya melalui surah al-Baqarah Allah SWT berfirman:

الطَّلُقُ مَرَّتَانٍ ۖ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ

“*Ṭalāq* (yang dapat dirujuk) itu dua kali. (Setelah itu suami dapat) menahan dengan baik, atau melepaskan dengan baik...”

(Surah al-Baqarah, 1: 229).

Dalil al-Sunnah pula boleh dilihat melalui hadis daripada Ibn 'Umar bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

إن أبغض الحلال إلى الله الطلاق

“*Sebenci-benci perkara yang halal di sisi Allah ialah talāq.*”<sup>4</sup>

Para sarjana Islam berselisih pandangan berkaitan hukum asal bagi *talāq*. Majoriti ulamak berpendapat bahawa hukum asal bagi *talāq* adalah harus manakala sebahagian yang lain mengatakan bahawa hukum asalnya adalah dilarang kecuali jika adanya keperluan. Oleh itu, menurut pandangan yang rajih, hukum asal bagi *talāq* adalah boleh jadi harus atau makruh. Hal ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW;

ما أحل الله شيئا أبغض إليه من الطلاق

“*Tiada sesuatu yang dihalalkan oleh Allah Taala, yang lebih dibenci-Nya berbanding talāq.*”<sup>5</sup>

Walau bagaimanapun, hukum tersebut boleh berubah mengikut hal dan keadaan tertentu. Hukum *talāq* diklasifikasikan oleh para ulama kepada beberapa jenis melihat kepada alasan serta sebab perceraian itu sendiri. *Talāq* hukumnya harus apabila seseorang suami mempunyai sebab syarak yang diharuskan untuk menceraikan isterinya misalnya bagi mengelakkan perangai atau layanan buruk isteri atau disebabkan suami itu sudah tidak lagi menyayangi isterinya (Aminah, 1992:312, Wizarah al-Awqaf, 1993:9) atau tidak menyukai isterinya itu serta suami sudah tidak lagi mampu untuk menafkahi isterinya.

Kemudian, hukumnya pula sunat apabila seseorang lelaki itu memiliki seorang isteri yang berakhlak buruk, tidak mentaati Allah SWT, derhaka terhadap suami serta tidak menjaga maruah diri sebagai seorang isteri sehingga boleh menyakiti suami dan jiran tetangganya (Muhammad al-Zuḥaylī, 2011:139, Wahbah al-Zuḥaylī, 1985:363, Aminah, 1992:312). Hukumnya sunat juga apabila isteri sudah tidak lagi ada rasa tanggungjawab serta komitmen untuk melayani suaminya. Sunat juga hukumnya apabila suami telah cuai dalam melaksanakan hak-hak isterinya.

Talak jatuh kepada hukum makruh apabila seorang suami menceraikan seorang isteri yang taat kepada ajaran agama, melaksanakan tanggungjawab dan hak terhadap suami, mempunyai sikap dan tingkah laku yang terpuji serta ianya diceraikan tanpa adanya satu alasan yang munasabah melainkan sebab yang remeh-temeh sahaja (Muhammad al-Zuḥaylī, 2011:139, Wizarah

<sup>4</sup> Abī Dāwud Sulayman Ibn al-Ash‘ath (1996). *Sunan Abī Dāwūd*, Bayrūt: Dār al-Hadīth ‘Bab fi Karāhiyyah al-Talāq,’ *hadīth* no. 2178.

<sup>5</sup> Abī Dāwud Sulayman Ibn al-Ash‘ath (1996). *Sunan Abī Dāwūd*, Bayrūt: Dār al-Hadīth ‘Bab fi Karāhiyyah al-Talāq,’ *hadīth* no. 2177.

al-Awqaf, 1993:9) di mana walhal pernikahan tersebut sebenarnya boleh diteruskan tanpa ada masalah.

Hukum *ṭalāq* itu wajib apabila telah lahir tanda-tanda nusyuz yang sudah tidak dapat dinasihati lagi. Selain itu, apabila seseorang suami itu telah bersumpah untuk tidak menyetubuhi isterinya selama empat bulan dan setelah tempoh tersebut berlalu beliau enggan untuk menyetubuhi isterinya maka hakim akan menceraikannya dan ianya juga dianggap wajib apabila suami tidak mampu menyediakan nafkah zahir dan batin di mana isteri itu tidak meredai hal yang demikian berlaku ke atas dirinya maka wajibliah si suami itu menceraikan isterinya mengikut perintah hakim (Salleh Ismail, 2003: 5).

Akhir sekali, perceraian hukumnya haram apabila suami menceraikan isteri ketika di dalam haid. nifas atau ketika isteri berada dalam keadaan suci yang telah disetubuhi di mana *ṭalāq* jenis ini dikenali juga sebagai *ṭalāq bid'ī* yakni tidak mengikut sunnah. Seterusnya, *ṭalāq* juga menjadi haram apabila ianya dilakukan tanpa sebab-sebab yang disyarakkan (Muhammad al-Zuḥaylī, 2011: 139-140, Wahbah al-Zuḥaylī, 1985: 362-363, Wizarah al-Awqaf, 1993:9).

### 3. Jenis *Ṭalāq*

*Ṭalāq* menurut sunnah Rasul terbahagi kepada dua jenis iaitu *ṭalāq* Sunni dan *ṭalāq bid'ī* (Sulaymān Ibn 'Umar Ibn Muḥammad, 1951: 427-429). *Ṭalāq* Sunni adalah *ṭalāq* yang dijatuhkan kepada isteri yang telah disetubuhi tetapi masih belum hamil, belum putus haid dan bukan budak kecil. Dalam erti kata lain *ṭalāq* tersebut dijatuhkan semasa waktu suci isteri tersebut serta tidak disetubuhi baik dalam masa suci tersebut atau semasa haid sebelumnya.

*Ṭalāq bid'ī* pula adalah *ṭalāq* yang dijatuhkan kepada isteri yang disetubuhi sama ada ianya dilafazkan semasa si isteri sedang di dalam haid atau di waktu suci yang sudah disetubuhi ataupun dia telah disetubuhi di dalam haid sebelumnya atau ianya dijatuhkan semasa dalam keadaan suci tetapi telah disetubuhi di dalam haid sebelumnya.

### 4. Bahagian-Bahagian *Ṭalāq*

*Ṭalāq* secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu *ṭalāq raj'ī* dan *ṭalāq bā'in*. *Ṭalāq bā'in* pula terbahagi kepada dua iaitu *ṭalāq bā'in ṣughrā* dan *ṭalāq bā'in kubrā*. *Ṭalāq raj'ī* ialah *ṭalāq* yang membolehkan suami untuk merujuk semula kepada isterinya yang telah diceraikannya itu semasa dalam tempoh iddah tanpa memerlukan kepada akad dan mas kahwin yang baru. *Ṭalāq bā'in*

pula merupakan *ṭalāq* yang menyebabkan ikatan suami dan isteri itu terputus secara serta merta sebaik sahaja lafaz *ṭalāq* dijatuhkan oleh suami.

*Ṭalāq bā'in ṣughrā* tidak membolehkan sesuatu pasangan itu untuk rujuk kembali melainkan dengan mas kahwin dan akad yang baharu. *Ṭalāq bā'in kubrā* pula adalah *ṭalāq* tiga yang menyebabkan hilangnya hak rujuk atau hak untuk kembali bersama semula sebagai pasangan suami isteri sama ada dalam atau luar waktu iddah (Urip Tri Wijayanti, 2021: 13-14). Suami yang menjatuhkan *ṭalāq* jenis ini kepada isterinya diharamkan untuk berkahwin semula dengan isteri yang diceraikannya itu kecuali setelah bekas isteri itu berkahwin dengan lelaki lain serta bersekedudukan dengan suami barunya itu kemudian dia diceraikan dan setelah selesai tempoh iddah tersebut barulah mereka boleh berkahwin semula.

## **5. Jenis Lafaz dan Sighah *Ṭalāq***

Melihat dari segi aspek lafaz dan sighah *ṭalāq* pula, ianya terbahagi kepada tiga pembahagian iaitu lafaz sorih iaitu lafaz yang jelas dan nyata, lafaz secara kināyah iaitu dengan sindiran dan lafaz ta'liq. Lafaz *sarih* adalah lafaz perceraian yang menggunakan perkataan cerai, *ṭalāq*, *firāq* dan *sarāh* di mana lafaz-lafaz tersebut secara sendirinya memaksudkan perceraian tanpa perlu kepada sebarang penjelasan bagi maksud perkataan yang dilafazkan

Lafaz kinayah pula bermaksud suatu lafaz yang dilakukan oleh suami terhadap isterinya dengan menggunakan lafaz yang tidak jelas atau sindiran yang memerlukan kepada penentuan niat suami bagi menentukan sama ada lafaz tersebut adalah bagi memaksudkan perceraian ataupun tidak.

Akhir sekali, perceraian dengan lafaz ta'liq pula bermaksud ucapan dan lafaz *ṭalāq* yang disandarkan kepada sesuatu perkara, perbuatan atau tindakan suami atau isteri itu (Miszairi et al., 2021: 97-130).

## **KONSEP PERCERAIAN MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

Perceraian yang diperuntukkan di dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri yang sedang berkuat kuasa di setiap negeri serta mengikut konsep praktik dan amalannya di Malaysia boleh berlaku dalam beberapa jenis iaitu:



## 1. Perceraian Secara Lafaz *Talāq*

Perceraian dengan lafaz *talāq* bermaksud pembubaran dan pelepasan ikatan perkahwinan dengan lafaz *talāq* atau lafaz yang seumpama dengannya di mana lafaz talak melalui perceraian jenis ini dibuat di hadapan hakim serta mendapat kebenaran mahkamah. Menurut praktis dan amalan di Negeri Selangor, perceraian secara talaq dengan persetujuan bersama ini telah di peruntukkan di bawah Seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 (EUUKIS 2003). Oleh yang demikian, bagi mana-mana suami atau isteri yang ingin bercerai secara persetujuan bersama hendaklah dikemukakan satu permohonan untuk perceraian di mahkamah di mana permohonan perlu dibuat melalui borang yang telah ditetapkan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 47 (1) EUUKIS 2003.

Sekiranya terdapat salah satu pihak yang tidak bersetuju untuk bercerai secara baik, maka Enakmen yang sama Seksyen 47(5) memperuntukkan bahawa jika ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai pengerusi dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi isteri, dan merujuk kes itu kepada jawatankuasa itu.

## 2. Perceraian Secara Pengesahan Lafaz *Talāq*

Perceraian melalui pengesahan lafaz *talāq* pula adalah perceraian yang telah pun berlaku di luar mahkamah serta bukan dibuat di hadapan Hakim. Ianya melibatkan *talāq* yang telah dilafazkan oleh suami terhadap isteri di luar dan tanpa kebenaran mahkamah sama ada dengan lafaz yang sarif dan jelas atau lafaz kinayah iaitu lafaz secara kiasan ataupun sindiran. Perceraian jenis ini perlulah dilaporkan di mahkamah bagi mengesahkan sama ada lafaz *talāq* yang dibuat oleh suami di luar mahkamah itu menjatuhkan *talāq* ataupun tidak.

Perkara ini ada diperuntukkan di dalam Seksyen 57 EUUKIS 2003. Melalui peruntukan seksyen ini dinyatakan bahawa, pihak-pihak yang terlibat dalam kes perceraian luar mahkamah ini sama ada pihak suami atau isteri itu sendiri, hendaklah melaporkan perkara ini kepada mahkamah dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh lafaz tersebut dibuat. Mahkamah kemudiannya akan menyiasat kes ini bagi memastikan sama ada talaq yang dilafazkan suami itu adalah sah mengikut Hukum Syarak atau tidak sekali gus mengesahkan sama ada ianya boleh disabitkan atau tidak. Menurut kuasa seksyen yang sama dinyatakan bahawa jika mahkamah berpuas hati bahawa *talāq* yang telah dilafazkan itu

adalah sah mengikut hukum syarak, maka mahkamah akan membuat perintah membenarkan perceraian dengan talaq.

### **3. Perceraian Secara Fasakh**

Fasakh pula adalah suatu pembubaran perkahwinan atas kuasa hakim disebabkan oleh sesuatu perkara yang diberikan keharusan oleh Hukum Syarak (Md Zain@Zakaria, Mohd Zaidi & Raihanah Abdullah, 2018: 1-34). Fasakh dan *talāq* merupakan dua perkara yang berbeza yang mana fasakh adalah pembatalan akad daripada asalnya serta menghilangkan sifat halal ke atas pernikahan tersebut manakala *talāq* pula ialah menamatkan akad tetapi sifat halal masih kekal kecuali setelah *talāq bā'in*. Pembubaran perkahwinan melalui fasakh ada diperuntukkan di dalam Seksyen 53 EUUKIS 2003 di mana seksyen ini menjelaskan tentang alasan-alasan yang membolehkan sesuatu pembubaran perkahwinan melalui fasakh ini dibuat.

Pembubaran perkahwinan melalui fasakh ini tidak boleh sewenang-sewenangnya diperintahkan melainkan pihak-pihak telah memenuhi segala syarat yang telah diperuntukkan itu. Perceraian jenis ini akan memberikan kesan tertentu antaranya adalah perceraian ini tidak boleh dirujuk melainkan dengan akad dan mas kahwin yang baharu kerana *talāq* yang gugur bagi fasakh adalah *bā'in ṣughrā*. Walau bagaimanapun pembubaran perkahwinan melalui fasakh ini tidak akan mengurangkan bilangan *talāq* di mana sekiranya pasangan tersebut berkahwin semula jumlah *talāq* masih lagi pada jumlah tiga *talāq* (Harun Din, 1983: 14).

### **4. Perceraian Secara Cerai Ta'liq**

Ta'liq ertinya perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut Hukum Syarak. Ianya merupakan satu bentuk perjanjian dalam perkawinan yang didalamnya disebutkan beberapa syarat yang harus dipenuhi oleh suami. Apabila suami tidak memenuhinya maka isteri yang tidak rela boleh mengadu kepada mahkamah syariah akan hal tersebut sebagai alasan untuk menuntut perceraian. Ringkasnya talak ta'liq adalah talak yang digantungkan dengan syarat, yang mana syarat itu menentukan jatuh tidaknya sesuatu talak tersebut.

Perceraian secara ta'liq ini telah diperuntukkan di dalam Seksyen 50 EUUKIS 2003. Berdasarkan kepada peruntukan seksyen ini, dinyatakan bahawa mana-mana perempuan yang bersuami boleh memohon kepada mahkamah di bawah permohonan ini jika dia berhak mendapatkan perceraian menurut syarat-syarat surat perakuan ta'liq yang telah dibuat oleh suami selepas akad

nikah dibuat dahulu. Maka dia bolehlah memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.

Mahkamah kemudiannya akan memeriksa permohonan tersebut dan mengadakan siasatan bagi menyatakan keabsahan perceraian itu. Jika pihak mahkamah berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, maka mahkamah akan mengesahkan serta merekodkan perceraian itu.

### **5. Perceraian Secara Tebus *Ṭalāq (Khul‘)***

Perceraian tebus *ṭalāq* ataupun turut dikenali juga sebagai *khul‘* ialah suatu perceraian yang diminta oleh isteri daripada suaminya dengan memberi wang atau harta benda sepertimana yang dipersetujui melalui ijab dan kabul. *Khuluk* atau tebus *ṭalāq* ini berlaku dengan kehendak serta kesungguhan isteri untuk bercerai. *Khuluk* disyariatkan bagi memenuhi keperluan isteri di mana isteri ingin menebus supaya dirinya dibebaskan oleh suaminya dengan cara memberikan apa-apa jumlah bayaran. Perceraian secara *khul‘* merupakan perceraian yang menggugurkan *ṭalāq* secara *bā'in ṣughrā* di mana perkahwinan ini tidak boleh dirujuk kembali melainkan ianya dengan akad dan mas kahwin yang baru.

Sekiranya suami dan isteri itu bersetuju bercerai dengan cara tebus talak dan jumlah bayaran tebus talak telah dipersetujui oleh pihak-pihak itu, maka mahkamah akan mengarahkan suami itu untuk melafazkan cerai kepada isteri. Menurut seksyen 49 EUUKIS 2003, sekiranya jumlah bayaran tebus talak tersebut tidak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mahkamah boleh mentaksirkan jumlah tersebut mengikut Hukum Syarak dengan mengambil kira taraf dan sumber kewangan pihak-pihak berkenaan.

### **6. Perceraian Secara Anggapan Mati**

Akhir sekali jenis perceraian yang juga terdapat di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 ialah perceraian secara anggapan kematian. Anggapan mati adalah apabila suami bagi seorang perempuan telah mati atau dipercayai telah mati atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh 4 tahun atau lebih (Seksyen 54 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003). Apabila keadaan itu berterusan dan perempuan itu hendak berkahwin lain, hendaklah terlebih dahulu mendapat pengisytiharan anggapan kematian daripada Mahkamah Syariah.

Subseksyen 3 seksyen yang sama menerangkan bahawa dalam hal dan keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati. Maka setelah perakuan yang telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) ini, Subseksyen 4 menyatakan bahawa perakuan tersebut hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian si isteri dan suami yang dianggap telah mati itu kemudian setelah itu lah si isteri boleh berkahwin dengan lelaki lain.

## **ANALISIS KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING BERHUBUNG KES PERCERAIAN BAGI PERKAHWINAN BERUSIA KURANG DARI SETAHUN**

### **1. Julat Usia Pasangan yang Bercerai Kurang dari Tempoh Satu Tahun Perkahwinan**

Melihat kepada kes perceraian yang banyak berlaku dalam kalangan masyarakat pada hari ini, secara umumnya ianya melibatkan pasangan dari pelbagai peringkat umur. Ada di antara mereka merupakan pasangan yang masih muda, ada juga dalam kalangan dewasa pertengahan dan ada juga mereka yang sudah pun tua turut juga terlibat dalam perceraian. Ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian kes perceraian secara umum tetapi bagaimana pula halnya dengan kes perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang tempoh satu tahun? Golongan dari peringkat umur manakah yang sering terlibat dengan perceraian sebegini. Oleh itu, analisis dibuat bagi mengkaji serta melihat julat usia pasangan yang sering terlibat dengan perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari satu tahun di MRS Petaling.

Menerusi satu temu bual, Yang Arif Hakim MRS Petaling menyatakan bahawa kebanyakan kes yang telah beliau kendalikan di MRS Petaling berhubung perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari satu tahun ini majoritinya melibatkan pasangan yang berumur dalam lingkungan dari 20 hingga 30 tahun. Beliau turut menyatakan bahawa pasangan yang kerap juga bercerai sebelum tempoh perkahwinan mencapai usia satu tahun ini kadang-kadangnya melibatkan pasangan yang berusia 40 tahun dan ke atas. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa pasangan yang umurnya 20 hingga 30 tahun adalah lebih ramai terlibat dalam kes sebegini berbanding pasangan yang berumur 40 tahun ke atas.

Selain itu, pengkaji turut menemu bual seorang Peguam Syarie yang berpengalaman dalam mengendalikan kes sebegini di Daerah Petaling Jaya. Menariknya adalah beliau turut melontarkan pandangan yang lebih kurang sama dengan hakim di mana menurut beliau pasangan yang sering bercerai sebelum perkahwinan mencapai tempoh satu tahun ini kebanyakannya adalah mereka yang berusia dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun atau pasangan yang berumur 45 tahun ke atas. Menerusi semakan fail kes di MRS Petaling juga menunjukkan rata-rata kes adalah melibatkan pasangan yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun. Antara kes yang dirujuk adalah kes MFSAN lwn NAS 2017 (10001-054-0068-2017). Kes ini adalah kes berhubung tuntutan pengesahan lafaz cerai. Plaintiff dan Defendan bernikah pada 24 April 2016. Perkahwinan ini merupakan perkahwinan kali pertama pihak-pihak. Plaintiff semasa membuat tuntutan ini berumur 22 tahun manakala defendan berumur 21 tahun.

Pada 19 Oktober 2016, Plaintiff melalui satu kiriman mesej di aplikasi *facebook* telah pun melafazkan dua lafaz cerai kepada defendan dengan lafaz yang berbunyi “aku ceraikan kau lepas pantang”, “aku ceraikan kau *ṭalāq* tiga”. Semasa *ṭalāq* dilafazkan, defendan sedang sarat hamilkan anak pertama mereka di mana Defendan melahirkan anak tersebut setelah enam hari lafaz cerai dibuat. Jika diperhatikan perkahwinan pihak-pihak sememangnya tidak sempat mencecah usia satu tahun di mana ianya hanya bertahan selama enam bulan. Plaintiff kemudian hadir ke mahkamah bagi membuat tuntutan pengesahan lafaz cerai yang dibuat oleh beliau terhadap defendan pada 19 Oktober 2016. Hakim dalam kes ini memutuskan bahawa mahkamah meluluskan tuntutan ini berdasarkan Seksyen 57 EEUKIS 2003 dengan mensabitkan lafaz cerai yang dibuat plaintiff terhadap defendan di luar dan tanpa kebenaran mahkamah pada 19.10.2016 adalah sah dan menjatuhkan *ṭalāq*.

Selain itu, antara kes lain adalah kes MFFMI lwn NSAA 2021 (10016-054-0408-2021). Kes ini adalah berhubung kes tuntutan pengesahan lafaz cerai. Plaintiff dan Defendan bernikah pada 14 Disember 2020. Perkahwinan ini merupakan perkahwinan kali pertama bagi pihak-pihak. Plaintiff semasa membuat tuntutan ini berumur 29 tahun manakala defendan berumur 30 tahun. Pada 9 September 2021 lebih kurang jam 9.09 malam, Plaintiff melalui satu kiriman mesej di aplikasi whatsapp telah pun melafazkan cerai kepada defendan dengan lafaz yang berbunyi “NSAA saya ceraikan awak dengan *ṭalāq* satu”. Menurut keterangan plaintiff, mereka sudah pun tinggal berasingan sejak bulan Ogos 2021. Semasa lafaz perceraian dibuat oleh plaintiff, defendan sedang sarat hamil anak pertama. Plaintiff hadir ke mahkamah pada 14 Disember 2021 bagi membuat tuntutan pengesahan lafaz cerai yang dibuat oleh beliau sendiri terhadap defendan pada 9 September 2021 jam 9.09 malam. Hakim dalam kes

ini memutuskan bahawa lafaz cerai yang dibuat plaintif terhadap defendan di luar dan tanpa kebenaran mahkamah pada 9.9.2021 jam 9.09 malam adalah sah dan menjatuhkan *talāq*.

Oleh itu, berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi di atas maka ianya dapat disimpulkan bahawa julat usia pasangan yang kerap terlibat dengan perceraian sebegini adalah pasangan yang berusia dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun.

## **2. Tahap Pendidikan Pasangan Yang Bercerai Kurang dari Tempoh Satu Tahun Perkahwinan**

Analisis yang seterusnya adalah analisis dari sudut latar belakang tahap pendidikan pasangan yang sering terlibat dengan perceraian kurang dari tempoh satu tahun perkahwinan ini. Analisis ini dibuat bagi mengkaji serta melihat pasangan yang kerap bercerai dalam perceraian ini berlatar belakang pendidikan yang bagaimana sama ada mereka ini adalah golongan yang berpendidikan tinggi, sederhana ataupun rendah. Analisis ini juga akan membantu pengkaji dalam menentukan sama ada adakah aspek tahap pendidikan menjadi faktor pendorong isu ini.

Menurut pandangan hakim, jika dinilai dari sudut latar belakang pendidikan beliau tidak dapat menjawab secara spesifik sama ada mereka yang kerap terlibat dengan perceraian ini merupakan golongan berpendidikan tinggi atau sebaliknya kerana menurut beliau kedua-dua golongan ini dilihat sama banyak terlibat. Menurut beliau juga aspek ini bukanlah menjadi satu punca atau pendorong utama masalah ini. Hal ini demikian kerana, berdasarkan kepada pengalaman beliau, beliau dapati golongan yang berpendidikan tinggi, orang akademik serta golongan profesional juga banyak terlibat dalam kes perceraian sebelum tempoh perkahwinan mencecah usia satu tahun ini.

Menurut Peguam Syarie pula, beliau berpandangan bahawa kebanyakan pasangan yang kerap bercerai dalam usia perkahwinan kurang dari tempoh satu tahun ini adalah melibatkan pasangan yang latar belakang pendidikannya agak rendah. Menurut beliau kebanyakan mereka ini berkahwin sebaik sahaja tamat persekolahan di peringkat menengah. Katanya perkara ini bukan sahaja telah membantutkan proses pembelajaran mereka yang mana sepatutnya boleh diteruskan lagi di peringkat pengajian yang lebih tinggi malah ianya memberi kesan terhadap kesediaan mereka dalam mempersiapkan ilmu berkaitan pengurusan hidup dan perkahwinan. Beliau juga berpendapat bahawa lebih tinggi tahap pendidikan seseorang itu maka lebih siap dan bersedia dia untuk berhadapan dengan segala cabaran dan realiti kehidupan sebenar.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat sedikit perbezaan pandangan di antara Hakim Syarie dan Peguam Syarie berhubung pemerhatian terhadap latar belakang tahap pendidikan pasangan yang sering terlibat dengan perceraian bagi perkahwinan kurang dari setahun. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh skop kerja seorang hakim itu sendiri lebih terdedah kepada lebih banyak kes sebegini berbanding peguam. Hal ini demikian kerana, kebanyakan masyarakat yang bercerai dalam keadaan begini biasanya bercerai secara persetujuan bersama atau hadir ke mahkamah hanya bagi kes tuntutan pengesahan lafaz cerai yang telah dibuat di luar mahkamah sendiri dengan tidak diwakili oleh mana-mana peguam. Maka wajarlah sekiranya hakim yang lebih terdedah serta lebih banyak pengalaman dalam mengendalikan kes-kes sebegini.

### **3. Tahap Kestabilan Kewangan dan Ekonomi Pasangan Yang Bercerai Kurang dari Tempoh Satu Tahun Perkahwinan**

Kestabilan kewangan merupakan salah satu perkara yang memainkan peranan penting dalam menjamin kekukuhan dan kelestarian sesebuah rumah tangga dan institusi keluarga (Nur Muzdalifah & Zaimah, 2020: 1-14). Maka analisis juga akan dibuat dari sudut pemerhatian terhadap sejauh mana tahap kestabilan pasangan yang bercerai dalam tempoh perkahwinan yang usianya tidak pun mencapai usia satu tahun ini. Adakah mereka ini golongan yang stabil dan kukuh kewangannya atau yang sederhana ataupun lemah kestabilan kewangannya. Analisis juga dibuat bagi melihat sejauh mana isu kestabilan kewangan ini memberi kesan dan impak dalam menentukan masa depan dan hala tuju sesebuah rumah tangga.

Melihat kepada pemerhatian dari sudut pandang ini, rata-rata pasangan yang sering terlibat dengan perceraian sebegini adalah pasangan yang dilihat lemah dari sudut kewangan dan ekonominya. Menerusi fail-fail kes yang telah dirujuk pengkaji, didapati rata-rata kes sebegini melibatkan pasangan yang pendapatannya kurang dari RM 2000 malah lebih sedih lagi ada juga dalam kalangan pasangan ini hanya seorang sahaja daripada mereka yang bekerja manakala seorang lagi tidak bekerja dan tidak mempunyai pendapatan. Maka pendapatan isi rumah mereka dalam sebulan hanyalah berjumlah RM 2000 di mana pendapatan isi rumah sebanyak RM 2000 ini di Selangor dikategorikan sebagai miskin tegar iaitu golongan yang menerima gaji di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM 2208 sebulan.

Antara kes yang boleh dirujuk adalah menerusi kes INFN lwn MZMY 2018 (10015-054-0275-2018). Kes ini adalah berhubung kes tuntutan pengesahan

lafaz cerai. Plaintiff dan Defendan bernikah pada 10 Disember 2017. Plaintiff dan Defendan kedua-duanya berumur 21 tahun semasa kes ini dibicarakan. Plaintiff merupakan seorang suri rumah tangga dan tidak bekerja manakala Defendan pula bekerja sebagai Pengawal Keselamatan. Perkahwinan ini merupakan perkahwinan kali pertama bagi kedua-dua pihak Plaintiff dan Defendan. Pada 27 Mei 2018 lebih kurang jam 8.30 pm di dalam rumah mereka, Defendan telah melafazkan cerai kepada Plaintiff dengan lafaz berupa “Bismillah, aku ceraikan engkau dengan *ṭalāq* tiga”. Plaintiff kemudiannya memfailkan kes tuntutan pengesahan lafaz cerai di luar mahkamah pada 5 Julai 2018 di MRS Petaling. Hakim di dalam kes ini memutuskan bahawa lafaz cerai yang dibuat Defendan terhadap Plaintiff di luar dan tanpa kebenaran mahkamah pada 27 Mei 2018 jam 8.30 malam adalah sah serta memenuhi syarat dan rukun *ṭalāq*. Mulai tarikh dan waktu itu, *terṭalāq*lah Plaintiff dengan *ṭalāq* tiga secara *bā'in kubrā*.

Melihat kepada kes ini, pertamanya tempoh perkahwinan di antara Plaintiff dan Defendan sememangnya tidak sampai usia satu tahun. Tempoh perkahwinan mereka bukan hanya setakat kurang daripada satu tahun malah ianya tidak pun sampai tempoh enam bulan perkahwinan kemudian mereka telah bercerai. Lebih dahsyat lagi perceraian yang berlaku di antara pihak-pihak adalah melibatkan perceraian dengan *ṭalāq* tiga. Jika diteliti dari sudut pekerjaan plaintiff dan defendan memperlihatkan bahawa defendan iaitu suami merupakan seorang pengawal keselamatan manakala isteri pula tidak bekerja maka sumber kewangan sepenuhnya bergantung hanya pada suami.

Selain itu, penelitian juga merujuk kepada kes LRN lwn WMSWR 2020 (10015-055-0176-2019). Kes ini adalah berhubung kes permohonan cerai. Plaintiff dan Defendan bernikah pada 22 Mac 2019. Plaintiff iaitu isteri telah hadir ke mahkamah pada 4 Jun 2020 untuk membuat permohonan perceraian. Plaintiff dan defendan kedua-duanya bekerja sebagai operator kilang. Permohonan ini dibuat kerana plaintiff mendakwa bahawa mereka sudah tidak lagi tinggal bersama seperti pasangan suami isteri yang lain sejak Julai 2019. Defendan iaitu pihak suami turut bersetuju untuk menceraikan plaintiff maka ianya adalah perceraian secara persetujuan bersama. Hakim meluluskan permohonan cerai tersebut. Lafaz cerai dibuat oleh defendan terhadap plaintiff di hadapan Hakim.

Jika diperhatikan, perkahwinan di antara plaintiff dan defendan tidak dinafikan sempat mengjangkau usia setahun di mana pihak-pihak berkahwin pada 22 Mac 2019 dan sah bercerai pada 4 Jun 2020. Namun, hakikatnya plaintiff dalam keterangannya menyatakan bahawa mereka sudah tinggal berasingan sejak Julai 2019 iaitu hanya selepas tiga bulan perkahwinan. Ini bermakna



konflik rumah tangga telah lama wujud dan berlaku iaitu kira-kira selepas tiga bulan mendirikan rumah tangga cumanya ia belum dibawa kepada tindakan mahkamah. Melihat kepada tahap kestabilan kewangan pula kedua-dua mereka ini bekerja sebagai operator kilang yang mana dinyatakan di dalam borang permohonan perdapatan masing-masing mereka adalah dalam lingkungan RM 1600, Maka pendapatan isi rumah mereka adalah hanya sebanyak RM 3200. Jumlah ini boleh dikategorikan sebagai golongan B40 kerana kurang dari RM4,360.

Selain itu, antara kes lain lagi adalah kes MMMMM lwn NAMH 2020 (10015-054-0491-2020). Kes ini adalah kes tuntutan pengesahan lafaz cerai. Plaintiff dan defendan bernikah pada 3 Ogos 2020. Plaintiff semasa memfailkan tuntutan tersebut adalah berusia 29 tahun manakala defendan berusia 27 tahun. Plaintiff bekerja sebagai Grabfood deliver manakala defendan pula bekerja sebagai pembantu pengurus restoran. Pada 23 Ogos 2020 lebih kurang jam 5.40 petang, plaintiff ada melafazkan lafaz ta'liq kepada defendan melalui kiriman mesej menggunakan aplikasi whatsapp dengan lafaz “kalau kau balik sendiri, jatuh satu *ṭalāq*”. Kemudian pada jam 5.45 pm tarikh yang sama plaintiff sekali lagi melafazkan lafaz ta'liq terhadap defendan melalui kiriman mesej melalui whatsapp juga dengan lafaz “ kalau kau berhenti kerja, jatuh satu *ṭalāq*”. Plaintiff mendakwa bahawa lafaz-lafaz tersebut dibuat bukanlah berniat untuk menceraikan isterinya.

Hakim di dalam kes ini memutuskan bahawa mahkamah menolak tuntutan ini berdasarkan kepada Seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (EUUKIS). Mahkamah mensabitkan lafaz ta'liq yang dibuat oleh plaintiff adalah sah dan boleh menjatuhkan *ṭalāq*. Walau bagaimanapun, di dalam kes ini Hakim memutuskan bahawa *ṭalāq* tidak jatuh dan pihak-pihak masih lagi dikira sebagai pasangan suami-isteri yang sah. Hal ini demikian kerana, mahkamah mendapati bahawa kedua-dua lafaz ta'liq yang dibuat oleh plaintiff terhadap defendan tidak dilanggar oleh defendan.

Jika diteliti di dalam kes ini, walaupun pada penghakiman akhir Hakim memutuskan bahawa pihak-pihak masih suami isteri yang sah namun dapat kita lihat bagaimana mudahnya lafaz cerai itu dijadikan bahan mainan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan melalui garis masa yang telah dinyatakan iaitu lafaz ta'liq tersebut dibuat oleh plaintiff kepada defendan hanya selepas 20 hari perkahwinan di mana pihak-pihak bernikah pada 3 Ogos 2020 dan lafaz tersebut dibuat melalui kiriman mesej melalui aplikasi whatsapp pada 23 Ogos 2020. Malah ianya dilihat lebih membimbangkan apabila kedua-dua lafaz ta'liq yang dibuat hanya pada sela masa yang singkat iaitu 5 minit di

mana lafaz pertama dikirim pada jam 5.40 pm manakala lafaz ta'liq kedua pula dikirimkan lima minit selepas itu iaitu pada jam 5.45 pm.

*Talāq* diputuskan oleh Hakim tidak gugur hanya disebabkan oleh tiada sebarang pelanggaran yang dibuat oleh defendan terhadap lafaz ta'liq itu. Maka sekiranya berlaku pelanggaran pada lafaz ta'liq tersebut maka sepatutnya *talāq* akan tergugur kerana lafaz ta'liq itu diputuskan Hakim adalah sah dan boleh menjatuhkan *talāq*. Namun apa yang sebenarnya penulis ingin tekankan adalah, wajarkah perkahwinan yang belum pun mencecah usia tiga minggu di mana lazimnya tempoh ini digambarkan sebagai satu detik yang begitu indah bagi setiap pasangan baru berkahwin ini sebaliknya telah pun menjadi bibit-bibit konflik dalam sesetengah rumah tangga. Ianya sedikit sebanyak pasti disebabkan oleh tekanan dari sudut kewangan dan ekonomi juga. Hal ini demikian kerana, lafaz ta'liq yang dilafazkan suami itu juga merupakan satu lafaz yang melarang isteri itu daripada berhenti kerja. Tambahan pula jika diperhatikan plaintif dan defendan bukanlah bekerja tetap.

Mengambil kira pandangan hakim pula berhubung penelitian aspek kestabilan kewangan dan ekonomi pasangan yang bercerai bagi perkahwinan dalam tempoh kurang dari setahun ini, beliau menegaskan bahawa boleh dikatakan hampir seratus peratus golongan yang bercerai sebelum tempoh perkahwinan mencecah usia satu tahun ini merupakan golongan yang lemah dari sudut kestabilan kewangan dan ekonominya. Menurut Peguam Syarie, beliau turut menyatakan bahawa pasangan yang dilihat kerap kali terlibat dengan perceraian sebegini adalah golongan pasangan yang tidak mempunyai tahap kestabilan kewangan dan ekonomi yang kukuh di mana kebanyakan mereka ini tidak mempunyai pekerjaan yang tetap atau kerjanya tidak menentu seperti kerja-kerja sambilan sahaja.

#### **4. Bilangan Perkahwinan Pasangan Yang Bercerai Kurang dari Tempoh Satu Tahun Perkahwinan**

Seterusnya penelitian akan menumpukan kepada analisis dari sudut bilangan perkahwinan pihak-pihak. Analisis akan dibuat bagi melihat perceraian sebegini seringnya melibatkan perkahwinan kali ke berapa sama ada ianya banyak dari perkahwinan kali pertama atau kedua dan seterusnya. Menurut Hakim, 95 peratus daripada kes cerai sebegini adalah melibatkan perkahwinan kali yang pertama manakala 5 peratus lagi barulah melibatkan perkahwinan kali kedua, ketiga dan seterusnya. Hal ini demikian kerana, jika dilihat dari sudut julat usia itu sendiri mendapati pasangan yang acap kali terlibat dengan perceraian sebegini adalah pasangan yang berusia muda maka jarang sekali mereka

yang berusia muda ini berkahwin untuk kali kedua, ketiga dan sebagainya melainkan mungkin ada di dalam satu atau dua kes tertentu. Maka kebanyakan mereka ini adalah dari perkahwinan kali yang pertama. Menurut hakim lagi, baki lagi 5 peratus pasangan yang merupakan golongan dari perkahwinan kali kedua, ketiga dan seterusnya ini pula adalah sering melibatkan golongan yang berumur 40 tahun dan ke atas.

Peguam Syarie juga menyatakan bahawa perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari satu tahun ini banyaknya melibatkan perkahwinan kali pertama namun kata beliau jarang-jarang sekali ada juga kes yang melibatkan golongan dari perkahwinan yang kedua dan seterusnya di mana mereka ini kebanyakannya merupakan golongan yang berumur 45 tahun ke atas. Merujuk kepada fail kes juga, dapat dilihat bahawa rata-rata kes sebegini menunjukkan bahawa majoritinya melibatkan perkahwinan yang pertama. Berdasarkan rujukan fail kes juga didapati bahawa perceraian sebegini yang berlaku bagi perkahwinan kedua, ketiga dan seterusnya adalah melibatkan golongan yang berusia 45 tahun ke atas. Misalnya di dalam kes ZU lwn SM 2021 (10016-054-0465-2021). Kes ini adalah berhubung tuntutan pengesahan lafaz cerai. Plaintiff dan Defendan telah bernikah pada 22 Julai 2020. Pernikahan ini merupakan pernikahan kali kedua buat plaintiff manakala ianya merupakan pernikahan kali ketiga bagi defendan. Pernikahan terdahulu pihak-pihak semuanya di akhiri dengan perceraian. Defendan bercerai kali pertama selepas 26 tahun mendirikan rumah tangga. Kemudian defendan bernikah lagi buat kali kedua dan tidak sampai satu tahun usia perkahwinan itu defendan bercerai lagi buat kali kedua kemudian defendan bernikah lagi buat kali ketiga dengan plaintiff. Plaintiff semasa memfailkan tuntutan berusia 44 tahun manakala defendan pula pada ketika itu berusia 53 tahun. Plaintiff bekerja sebagai pengawal keselamatan manakala defendan pula bekerja sebagai kontraktor.

Pada 19 Mei 2021 lebih kurang jam 4.50 pm di kediaman defendan di Selayang, Defendan telah melafazkan cerai kepada Plaintiff dengan lafaz berupa “saya ceraikan awak *ṭalāq* 3 jika awak keluar rumah”. Plaintiff keesokkan harinya 20 Mei 2021 keluar daripada rumah tersebut pada jam 6.30 pagi pergi ke rumah ibunya. Plaintiff hadir ke MRS Petaling bagi memfailkan kes tuntutan pengesahan lafaz cerai di luar mahkamah yang telah dibuat defendan pada 19 Mei 2021. Defendan berdasarkan keterangannya mengaku bahawa dia faham maksud ta’liq serta mengakui bahawa dia sememangnya ada melafaskan lafaz ta’liq tersebut. Defendan juga mengakui bahawa isteri iaitu plaintiff telah pun melanggar ta’liq tersebut.

Hakim memutuskan bahawa lafaz ta’liq yang dibuat secara lisan oleh Defendan terhadap Plaintiff di luar dan tanpa kebenaran mahkamah pada 19

Mei 2021 jam 4.50 petang adalah sah dan menjatuhkan *ṭalāq* jika sempurna syaratnya. Mahkamah berpuas hati bahawa syarat ta'liq tersebut telah pun sempurna pada 20 Mei 2021 jam 6.30 pagi ketika plaintif keluar daripada rumah tersebut. Maka mulai tarikh dan waktu itu, ter *ṭalāq* lah Plaintif dengan *ṭalāq* tiga secara *bā'in kubrā*. Maka berdasarkan kepada penelitian kes ini, perkahwinan pihak-pihak ternyata tidak pun mencapai usia satu tahun di mana pihak-pihak bernikah pada Julai 2020 dan bercerai pada Mei 2021.

### **5. Jenis Perceraian yang Sering Melibatkan Perceraian Bagi Perkahwinan Yang Berusia Kurang dari Tempoh Satu Tahun**

Analisis turut dibuat bagi mengkaji dari sudut jenis perceraian yang sering berlaku dalam perceraian bagi perkahwinan kurang tempoh satu tahun ini. Dalam erti kata lain, pemerhatian dan penelitian dibuat bagi melihat jenis perceraian mana satu yang paling banyak terlibat dalam kes perceraian perkahwinan tempoh satu tahun ini sama ada ianya adalah melalui perceraian jenis permohonan cerai secara *ṭalāq* atau pengesahan lafaz cerai, ta'liq, fasakh, khuluk atau sebagainya. Hasil kajian mendapati bahawa perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari satu tahun ini kebanyakan berlaku dengan perceraian melalui permohonan cerai secara *ṭalāq* di mahkamah di atau perceraian melalui pengesahan lafaz *ṭalāq*.

Menerusi temu bual, Hakim berkata, boleh beliau katakan bahawa 40 peratus daripada kesemua kes di bawah Seksyen 47 EUUKIS 2003 ini iaitu permohonan cerai secara *ṭalāq* dengan persetujuan bersama ataupun lebih popular pada hari ini dengan nama cerai 'fast track' adalah melibatkan perceraian bagi pasangan yang berkahwin tidak sampai tempoh satu tahun perkahwinan. Selain itu, perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari satu tahun ini juga banyak melibatkan perceraian jenis pengesahan lafaz cerai di mana pihak-pihak telah pun bercerai di luar dan tanpa kebenaran mahkamah kemudian mereka hadir ke mahkamah untuk memohon supaya hakim mengesahkan lafaz cerai yang dibuat oleh suami kepada isteri di luar mahkamah itu sah serta boleh menjatuhkan *ṭalāq* ataupun tidak.

Menerusi semakan terhadap beberapa fail kes berhubung perceraian bagi perkahwinan berusia kurang dari tempoh satu tahun ini, pengkaji bersetuju bahawa rata-rata kes sebegini yang dijumpai adalah melibatkan perceraian jenis permohonan pengesahan lafaz lafaz cerai. Perkara ini boleh dilihat menerusi beberapa kes yang ditemui di dalam fail kes di MRS Petaling. Kes yang pertama adalah kes NHAS lwn RB 2020 (10015-054-0444-2020). Plaintif dan Defendan berkahwin pada 21 Disember 2019. Plaintif iaitu isteri memfailkan

tuntutan pengesahan lafaz cerai kerana mendakwa defendan iaitu suaminya telah melafazkan dua lafaz berbentuk perceraian. Lafaz yang pertama berlaku pada Februari 2020 dengan lafaz yang berbunyi “dapat duit, aku lafazkan”. Manakala lafaz yang kedua pula berlaku pada 12 Oktober 2020 lebih kurang jam 10 malam di rumah kelamin mereka yang berbunyi “aku letak ko *ṭalāq* tiga yati”.

Mahkamah mensabitkan lafaz cerai yang dibuat oleh defendan secara lisan pada 12 Oktober 2020 jam 10 malam itu adalah sah dan menjatuhkan talaq mengikut hukum syarak kerana ianya telah memenuhi kesemua rukun dan syarat *ṭalāq*. Justeru, melalui kes ini dapat dilihat usia perkahwinan pihak-pihak sememangnya tidak pun sempat mencapai tempoh satu perkahwinan di mana mereka telah bercerai semasa perkahwinan baru berusia 10 bulan. Lebih parah lagi adalah perceraian berlaku semasa plaintif sedang hamil anak pertama mereka. Kemudian, jika dilihat pada tarikh lafaz ta’liq pertama yang dibuat oleh defendan adalah pada Februari 2020 di mana pada ketika itu pihak-pihak baru sahaja dua bulan mendirikan rumah tangga.

Selain itu, ianya juga dapat dilihat menerusi kes NFAS lwn HAMY 2019 (10015-054-0470-2019). Kes ini berhubung kes tuntutan pengesahan lafaz cerai. Plaintif dan Defendan bernikah pada 21 April 2019. Pernikahan ini merupakan pernikahan kali kedua buat defendan manakala pernikahan kali pertama bagi plaintif. Pada 7 September 2019 lebih kurang jam 3.00 petang di sebuah kediaman di Kelana Jaya, defendan telah melafazkan cerai terhadap plaintif di hadapan dua saksi lain iaitu adik defendan sendiri iaitu adik ipar plaintif dan tukang gaji pihak-pihak dengan lafaz yang berbunyi “dengan dua saksi, aku ceraikan kau”. Hakim memutuskan bahawa lafaz cerai yang dibuat oleh defendan terhadap plaintif pada 7 September 2019 jam 3.00 petang adalah sah dan menjatuhkan *ṭalāq*. Ternyata bahawa plaintif dan defendan sememangnya bercerai sebelum tempoh perkahwinan mereka cukup satu tahun malah tempoh perkahwinan pihak-pihak hanyalah bertahan selama kurang daripada tempoh lima bulan di mana perceraian tersebut berlaku di luar dan tanpa kebenaran mahkamah.

Seterusnya kes MNS lwn JAH 2018 (10015-054-0267-2018). Kes ini adalah berkenaan kes tuntutan pengesahan lafaz cerai. Plaintif dan Defendan bernikah pada 29 April 2017. Plaintif semasa memfailkan kes ini beliau berumur 31 tahun manakala Defendan berumur 27 tahun. Perkahwinan ini merupakan perkahwinan yang pertama bagi pihak-pihak. Pada 25 April 2018 lebih kurang jam 8.30 malam di sebuah rumah, Plaintif telah melafazkan cerai kepada Defendan dengan lafaz berbunyi “aku ceraikan kau dengan *ṭalāq* satu”. Hakim memutuskan bahawa lafaz cerai yang dilakukan oleh plaintif

kepada defendan pada 25 April 2018 jam lebih kurang 8.30 malam itu sah dan menjatuhkan *talāq*.

## **FAKTOR PERCERAIAN BAGI PERKAHWINAN BERUSIA KURANG DARI SETAHUN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING**

### **1. Faktor Ketidakstabilan Kewangan dan Ekonomi**

Tidak kiralah sama ada golongan bujang atau yang sudah berkeluarga, perancangan kewangan yang baik sangatlah penting dalam memastikan kehidupan berjalan dengan lancar. Semua pasti setuju bahawa antara elemen terpenting dalam membentuk sebuah institusi keluarga yang dinamik dan bahagia adalah kestabilan dan kekukuhan dari sudut kewangan dan ekonomi itu sendiri. Memang benar apa yang sering diperkatakan bahawa duit bukanlah segala-galanya namun dalam realiti kehidupan sekarang tidak dinafikan segala-galanya memerlukan duit. Lebih-lebih lagi fasa di mana negara sedang berdepan dengan masalah ekonomi maka perancangan kewangan adalah sangat penting untuk dititikberatkan (Norsyahidah & Norasmah, 2017: 183-193).

Melihat kehidupan masyarakat zaman dahulu, jarang kedengaran perceraian berlaku disebabkan oleh masalah kewangan walaupun secara majoritinya mereka ini hanya bekerja sendiri seperti bekerja kampung, buruh dan sebagainya. Pendek kata rumah tangga mereka bahagia walaupun hidup dalam serba kekurangan. Hal ini demikian kerana, jika diteliti semula taraf hidup pada zaman dahulu ternyata sangat jauh berbeza dengan zaman sekarang. Mengambil kira kehidupan tiga atau empat dekad yang lalu, segala jenis keperluan dapat dibeli dengan harga yang jauh lebih murah berbanding hari ini. Bahkan, hartanah seperti rumah pada ketika itu juga tidaklah terlalu mahal berbanding hari ini. Melihat juga kepada tren kenaikan harga barang dan hartanah hari ini ditambah lagi dengan pendapatan yang diperoleh juga agak rendah jika dibandingkan dengan kos sara hidup yang semakin tinggi, masyarakat khususnya golongan muda yang ingin melangkah ke alam perkahwinan yang pastinya kehidupannya itu jauh lebih mencabar, perlulah merancang kewangan dengan sebaiknya agar rumah tangga yang dibina itu terus harmoni dan utuh.

Menurut Hakim, kebanyakan kes perceraian bagi pasangan yang tempoh perkahwinan mereka belum pun sempat mencapai usia satu tahun ini di MRS Petaling pasti ada hubung kaitnya dengan masalah kewangan sehinggakan

beliau berani mengatakan bahawa hampir seratus peratus kes sebegini adalah dipengaruhi oleh faktor kewangan. Malah melalui semakan fail kes juga mendapati kebanyakan alasan perceraian yang popular selepas alasan tiada lagi persefahaman di antara pasangan adalah alasan disebabkan oleh terdapatnya isu kewangan. Apabila sesebuah perkahwinan berdepan dengan masalah berkaitan duit dan kewangan ianya pasti akan memberi kesan kepada keharmonian rumah tangga tersebut. Peguam Syarie dalam temu bual juga turut menyenaraikan masalah kewangan sebagai salah satu punca utama mengapa masalah perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun ini sering terjadi dalam kalangan masyarakat. Menurut beliau kebanyakan mereka ini bekerja secara tidak tetap maka sudah tentu ianya dapat memberi kesan kepada pendapatan bulanan mereka kerana pendapatan yang diperolehi tersebut tidak menentu dan tidak tetap pada setiap bulan. Oleh hal yang demikian, agak sukar bagi mereka untuk membuat perancangan kewangan yang lebih awal dan sistematik.

Tambah beliau lagi, pasangan yang banyak bercerai sebelum tempoh perkahwinan mencecah satu tahun ini kebanyakan mereka tidak bersedia sepenuhnya dari sudut ekonomi dan kewangan. Pada mereka cukup hanya sekadar menghalalkan hubungan tersebut terlebih dahulu tanpa mempersiapkan diri dengan sebaiknya dalam hal kewangan kerana kebanyakan mereka ini berpegang pada konsep “kahwin dulu, rezeki Allah beri kemudian”. Oleh kerana berpegang dengan pendapat ini, ramai di antara mereka yang tidak membuat persediaan yang sewajarnya dari aspek kewangan sebaliknya mereka hanya sekadar mempersiapkan wang untuk majlis perkahwinan sahaja tetapi tidak ada simpanan untuk kegunaan kehidupan selepas berkahwin yang pastinya lebih memerlukan kepada banyak duit.

Konsep ini tiada salahnya kerana perkara berkaitan rezeki sememangnya sebahagian daripada taqdir Allah SWT. Merenung kembali kepada firman Allah SWT di dalam surah Surah Sabā' ayat 24:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَوتِ وَالْأَرْضِ قُلِ اللّهُ بَوَّأَنَا أَوْ آيَاكُمْ لَعَلِّي هُدًى  
أَوْ فِي ضَلالٍ مُّبِينٍ

*“Katakanlah (Muhammad), “Siapakah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan dari bumi?” Katakanlah, “Allah,” dan sesungguhnya kami atau kamu (orang-orang musyrik), pasti berada dalam kebenaran atau dalam kesesatan yang nyata.”*

(Surah al-Sabā', 34: 24).

Selain itu, ada juga dinyatakan perkara ini di dalam ayat al-Qur'an yang lain seperti di dalam surah An-Nahl ayat 71:

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ فَمَا الَّذِينَ فُضِّلُوا بِرَادِّي رِزْقِهِمْ عَلَى مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ أَفَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَجْحَدُونَ

*“Dan Allah melebihkan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain dalam hal rezeki, tetapi orang yang dilebihkan (rezekinya itu) tidak mahu memberikan rezekinya kepada para hamba sahaya yang mereka miliki, sehingga mereka sama-sama (merasakan) rezeki itu. Mengapa mereka mengingkari nikmat Allah?”*

(Surah an-Nahl, 16: 71)

Menerusi ayat-ayat ini jelas bahawa rezeki itu merupakan satu perkara yang telah pun ditetapkan oleh Allah SWT, namun demikian manusia mempunyai kudrat untuk berusaha mencari rezeki tersebut. Allah memberikan rezeki kepada seseorang manusia setimpal dengan apa yang telah dia usahakan itu. Jika ada yang merasakan bahawa rezeki itu tidak perlu untuk diusahakan kerana ianya merupakan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah maka pandangan itu adalah salah. Hal ini demikian kerana perintah untuk berusaha dan berikhtiar mencari rezeki telah pun jelas dinyatakan di dalam al-Quran:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

*“Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi, maka jelajahilah di segala penjurunya dan makanlah sebagian dari rezeki-Nya. Dan hanya kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.”*

(Surah al-Mulk, 67: 15)

Maka apabila bercakap soal rezeki, pucuk pangkalnya adalah bergantung pada usaha dan ikhtiar manusia itu sendiri. Mereka tidak boleh hanya sekadar berserah pada taqdir Allah semata-mata tanpa meletakkan satu usaha yang konsisten untuk mendapatkan rezeki tersebut. Kebanyakan mereka ini bekerja cukup sekadar untuk menampung keperluan bulanan bahkan ada juga sesetengah itu malah tidak cukup kemudian terpaksa meminta duit ibu bapa untuk membeli segala keperluan misalnya keperluan dapur seperti beras, keperluan anak seperti lampin bayi dan keperluan-keperluan lain lagi. Perkara ini jika berlarutan ianya pasti akan menimbulkan masalah di dalam rumah tangga misalnya isteri yang pada asalnya sebelum berkahwin tinggal bersama



ibu bapa dimewahkan dengan pelbagai kemewahan tetapi selepas berkahwin dia terpaksa hidup dalam keadaan serba kekurangan. Selain itu, apabila semua keperluan dirasakan tidak cukup dan serba kekurangan ianya pasti akan menyebabkan seseorang isteri itu berdepan dengan stress dan tekanan. Di pihak suami pula, mereka sering tertekan kerana terdapat pelbagai keperluan yang perlu ditanggung selepas mendirikan rumah tangga.

Ianya ternyata berbeza sekali dengan kehidupan sebelum berkahwin di mana sebelum berkahwin mereka tidak perlu menyara orang lain sebaliknya hanya menyara diri sendiri bahkan ada juga mereka yang malah disara oleh keluarga sebelum berkahwin. Maka setelah berkahwin suasana itu berbeza sekali jadi apabila pendapatan bulanan tidak cukup untuk menampung segala keperluan ini sudah tentu ianya akan memberi tekanan kepada si suami. Oleh itu, masalah sebeginilah yang akan menimbulkan pergaduhan serta pertelingkahan di dalam rumah tangga sehingga ianya boleh menyebabkan perceraian. Menurut Hakim, terdapat satu kes perceraian perkahwinan kurang setahun yang berlaku disebabkan oleh masalah kewangan ini disebabkan suami tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk membeli atau menyewa rumah sendiri secara asing kemudian terpaksa membawa isteri tersebut untuk tinggal bersama keluarganya. Apabila tinggal bersama keluarga selepas berkahwin, risiko untuk berlakunya konflik pasti ada. Kemudian konflik tersebut benar-benar terjadi maka isteri mendesak si suami untuk keluar dari rumah tersebut dan tinggal berasingan. Suami yang sememangnya tidak mempunyai kewangan yang stabil ini apabila berkali-kali diprovokasi pasti akan stress dan tertekan kemudian langsung memilih untuk menceraikan isteri tersebut.

Benarlah kata orang, wang berkurang kasih mudah terlerai. Maka tidak dinafikan bahawa kes perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun ini banyak terjadi dalam masyarakat pada hari ini khususnya masyarakat di Daerah Petaling Jaya adalah disebabkan oleh ketidakstabilan kewangan dan ekonomi ataupun kurang bijak dalam merencanakan kewangan keluarga dengan lebih sistematik. Oleh itu, aspek kewangan tidak boleh diambil mudah dalam perkahwinan kerana ianya menjamin keutuhan dan kelestarian rumah tangga itu.

## **2. Faktor Pengabaian Tanggungjawab**

Sebuah perkahwinan itu datang bersama-samanya tanggungjawab. Malah maksud perkahwinan itu sendiri antaranya adalah, suatu tanggungjawab yang besar yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada pasangan dalam sesebuah perkahwinan. Tanggungjawab ini merupakan satu aspek yang sangat penting

dalam perkahwinan sehingga mana ada tanggungjawab yang dianggap kekal dan perlu untuk terus dilunaskan oleh pihak-pihak jika sekali pun perkahwinan itu telah terlerai. Sebaik sahaja perkahwinan berlangsung, tiada lagi istilah hak dan tanggungjawab pada sesetengah perkara sahaja sepertimana tanggungjawab semasa kehidupan sewaktu bujang. Dalam perkahwinan, tanggungjawab suami isteri meliputi keseluruhan aspek kehidupan. Kedua-dua pihak suami dan isteri masing-masing mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan dalam perkahwinan dan rumah tangga. Syariat Islam telah membahagikan hak dan tanggungjawab suami isteri itu kepada tiga bahagian iaitu hak isteri terhadap suami, hak suami terhadap isteri dan hak bersama suami dan isteri (Zuhdi & Raihanah, 1989: 110). Ini bermaksud aspek tanggungjawab bukan hanya terletak pada bahu suami sahaja akan tetapi isteri juga mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan kepada suami.

Perkara ini bersesuaian dengan hadis Rasulullah SAW:

عن ابن عمر رضي الله عنهما، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: (كلكم راع، وكلكم مسؤول عن رعيته، والأمير راع، والرجل راع على أهل بيته، والمرأة راعية على بيت زوجها وولده، فكلكم راع، وكلكم مسؤول عن رعيته

*“Daripada Abdullah bin Umar RA daripada Nabi SAW sabdanya: Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya (diminta bertanggungjawab) atas apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin. Seorang lelaki adalah pemimpin keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin atas rumah suaminya serta anaknya. Oleh kerana setiap kamu adalah pemimpin maka setiap daripada kamu akan diminta bertanggungjawab tentang apa yang dipimpinnya.”*<sup>6</sup>

Dalam menggapai erti sebenar keluarga yang bahagia di dunia dan akhirat, tanggungjawab yang telah termaktub oleh setiap pasangan perlulah dipenuhi serta dilunaskan dengan sebaiknya. Malangnya pada hari ini, dapat dilihat bahawa antara faktor yang sering menjadi punca kepada sesebuah perceraian itu adalah disebabkan oleh pengabaian tanggungjawab pasangan dalam perkahwinan. Tanggungjawab yang sangat dekat dengan konsep perkahwinan itu apabila diabaikan pasti akan memporakperandakan sesebuah rumah tangga.

<sup>6</sup> Muḥammad Ibn Ismā‘il Bukhārī (1976). *Sahih al-Bukhārī*, Riyadh: Darussalam Pub. & Distr, Bab 91, ‘Bab al-Mar’ah Raaiyatul Fi Baiti Zawjiha,’ *ḥadīth* no. 5200.

Hal ini demikian kerana perkara inilah yang akan membuatkan pasangan mula untuk menuding jari menunjukkan salah masing-masing sehingga di akhirnya perbalahan tersebut dapat membawa kepada perceraian.

Menurut hakim, pengabaian tanggungjawab antara pasangan antara perkara yang juga kerap menjadi punca perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari satu tahun ini. Tegas beliau, perkara ini lebih banyak melibatkan kes pengabaian dari pihak suami namun ianya tidak juga bermaksud bahawa tiada kes yang melibatkan pengabaian oleh pihak isteri kepada suami. Pengabaian tanggungjawab yang paling kerap sekali berlaku dalam perkahwinan sehingga membawa kepada perceraian adalah disebabkan oleh pengabaian tanggungjawab dari sudut nafkah. Rata-rata permohonan cerai yang dibuat di mahkamah berhubung kes perceraian sebelum usia perkahwinan mencapai tempoh satu tahun ini, jika diteliti alasan-alasan permohonannya, salah satu yang popular adalah disebabkan oleh suami telah cuai untuk mengadakan peruntukan nafkah kepada isteri. Peguam Syarie dalam menjawab isu berkenaan faktor perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun ini semasa dalam sesi temu bual turut menyatakan bahawa antara sebab yang menjadi punca kepada masalah ini adalah disebabkan oleh hilangnya rasa tanggungjawab suami dalam kewajipan nafkah. Menurut beliau, kebanyakan kes sebegini yang ditemui adalah mereka yang kahwin semasa usia muda.

Kata beliau lagi, kebanyakan mereka ini lazimnya berkahwin bukan atas dasar benar-benar kerana Allah sebaliknya ianya lebih cenderung kepada sebab nafsu semata-mata. Lantaran itu, mereka tidak benar-benar menghayati erti sebenar sebuah perkahwinan itu dengan sebaiknya sehingga mereka lupa dan alpa soal tanggungjawab.

Pengabaian nafkah ini dilihat sebagai satu isu yang semakin serius dalam masyarakat. Antara isu yang sering kita dengar adalah isu suami tidak berikan nafkah kepada isteri kerana isteri itu mempunyai kerja dan pendapatannya sendiri bahkan lebih teruk daripada itu adalah ada juga suami yang langsung tidak bekerja malah membiarkan isteri yang keluar bekerja mencari nafkah untuk menyara keluarga serta mengganggu si suami itu. Maka adakah wajar seorang ketua keluarga yang mana sepatutnya tugas menanggung dan menyara keluarga itu terletak di bahunya malah berehat dan bersenang lenang di rumah sebaliknya membiarkan isteri pula keluar mencari rezeki lalu mengambil alih tugas sang suami. Di manakah letaknya rasa tanggungjawab seorang suami itu?

Selain itu, seperti yang telah dinyatakan terdapat juga isu di mana suami tidak menjalankan tanggungjawab untuk memberi nafkah kepada isteri ini adalah

disebabkan oleh isteri mempunyai kerja dan pendapatan bulanannya sendiri. Dalam situasi ini, isteri terpaksa membeli keperluan dirinya menggunakan wangnya sendiri bahkan lebih teruk lagi ada juga isteri yang terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk membeli keperluan dalam rumahtangga juga misalnya keperluan dapur dan sebagainya. Maka benarlah pada hari ini banyak perkahwinan yang retak dan musnah akibat daripada tiadanya tanggungjawab suami dalam menafkahi isteri dan keluarga tersebut. Banyak suami telah hilang pedoman dan lupa bahawa nafkah itu adalah satu kewajipan yang mesti ditunaikannya waima isterinya itu bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri. Suami sepatutnya perlu lebih rasa bersyukur dan lebih menghargai isteri yang bekerja itu kerana mereka sanggup bersusah payah untuk membantu meringankan beban suami tetapi malangnya kebanyakan suami pada hari ini malah mengambil kesempatan terhadap kebaikan isteri sehingga sampai suatu masa isteri sudah tidak tahan lagi dengan sikap suami itu lalu meminta untuk berpisah.

### **3. Faktor Sikap dan Akhlak**

Perkahwinan itu merupakan penyatuan di antara dua jiwa yang saling berbeza yang ditautkan dalam satu ikatan pernikahan. Perkahwinan bermaksud penerimaan seseorang untuk berkongsi hidup dengan seorang yang lain bermula saat terlafaznya akad sehinggalah ke akhir hayat mereka. Oleh itu setiap pasangan perlulah bersedia untuk menerima sikap dan akhlak pasangan masing-masing dengan seadanya kerana setiap manusia itu diciptakan tidak sama dan saling berlainan maka setiap pasangan perlulah saling lengkap-melengkapi. Proses untuk menerima sikap dan akhlak pasangan ini merupakan salah satu cabaran yang terbesar dalam perkahwinan di mana dalam proses ini kita perlu menyesuaikan diri kita dengan pasangan dengan sebaiknya kerana ianya melibatkan satu asimilasi di antara dua budaya dan cara hidup. Perkara ini dikatakan antara perkara yang begitu penting serta perlu dititiberatkan di dalam perkahwinan dengan sebaiknya kerana terdapat pasangan yang bercerai disebabkan oleh gagal untuk menyesuaikan diri dengan sikap dan akhlak pasangan masing-masing.

Namun, ianya tetap berbalik kepada akhlak dan sikap itu sendiri sama ada ianya merupakan satu sikap yang boleh diubah dan dibentuk semula atau sebaliknya. Selain itu, penting juga bagi setiap pasangan itu untuk sentiasa saling memperbaiki diri masing-masing dari semasa ke semasa agar ianya dapat merapatkan jurang ketidakserasian yang berlaku sekali gus dapat menjamin keharmonian dan kebahagiaan dalam rumah tangga. Masalah yang sering berlaku pada hari ini dalam kalangan pasangan yang berkahwin adalah, cabaran

untuk berdepan dengan sikap dan akhlak pasangan yang negatif dan kurang baik. Menurut al-Farabi, dalam mendapatkan sebuah keluarga yang harmoni ianya mestilah seiring dengan akhlak yang mulia dan amalan yang baik maka dari situ lahirlah sifat keutamaan dan terpuji (al-fadhāil al-khuluqiyah) iaitu seperti kesederhanaan (wasatiyyah), keadilan ('adālah), kebenaran (al-haq), budi bahasa (al-akhlāq), penghormatan diri (tahrīm al-nafs) dan kebaikan (al-khayr) (Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari, 2011: 25-44).

Realitinya, menurut Hakim MRS Petaling faktor sikap dan akhlak sememangnya menyumbang kepada masalah ini di mana ianya merupakan antara salah satu perkara yang sering menjadi punca kepada masalah perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun di MRS Petaling. Menurut beliau, antara sikap dan akhlak pasangan yang sering menimbulkan perbalahan antara pasangan suami isteri sehingga membawa kepada perceraian adalah sikap panas baran, sikap malas dan culas pasangan-pasangan, sikap kedekut, sikap tidak berlaku adil serta sikap tidak menghormati pasangan dari pelbagai sudut. Sikap panas baran merupakan satu sikap di mana seseorang itu sukar untuk mengawal emosi dan amarahnya sehingga dia boleh bertindak di luar jangkaan jika ianya tidak dikawal dengan sebaiknya. Sikap panas baran ini ada pada mana-mana manusia tanpa mengira faktor jantina dan sebagainya. Ada sesetengah pasangan yang sikap panas barannya itu terlalu ekstrem dan sukar untuk dikawal sehingga mana apabila terdapat hanya kesalahan-kesalahan yang kecil sahaja dilakukan oleh pasangan ianya boleh mencetuskan kemarahan yang sangat dahsyat bahkan ada sesetengah mereka yang mula berani naik tangan kepada pasangan disebabkan sikap baran ini.

Menurut sumber hakim berdasarkan pengalaman beliau dalam mengendalikan kes sebegini, terdapat kes di mana suami melafazkan ta'liq kepada isterinya hanya disebabkan terlalu marah kerana isteri tidak mengemop lantai seperti cara yang telah diajarkannya. Jadi jika dilihat pada sebab tersebut, ternyata ianya merupakan sebab yang sangat remeh dan amat tidak wajar untuk diperbesarkan. Sikap panas baran ini akan membuatkan pasangan takut untuk berinteraksi serta menyuarakan apa-apa pandangan kerana bimbang ianya boleh mencetuskan kemarahan pasangan itu (Nik Amni Sajidah & Haziyah, 2021). Mereka yang baran ini juga gemar menggunakan perkataan-perkataan yang kesat dan keji untuk dihamburkan kepada pasangan mereka. Perkara ini akan membuatkan pasangan hilang rasa hormat dan tawar hati dek kerana sikap baran suami itu. Selain itu, antara sikap lain yang sering menjadi masalah dalam rumah tangga adalah sikap degil dan keras kepala pasangan. Pasangan yang degil dan keras kepala ini sukar untuk dibawa berbincang dan berunding dalam suatu-suatu masalah kerana mereka sukar menerima pandangan orang lain. Sikap negatif ini akan membawa kepada kesukaran untuk pasangan suami

isteri dalam mengadakan perbincangan dalam mana-mana isu berbangkit dalam rumah tangga. Kesukaran itu pastinya akan menimbulkan konflik dan pergaduhan antara pasangan sehingga boleh menyebabkan perceraian.

Di samping itu, sikap malas dan culas juga dilihat merupakan salah satu sikap yang banyak mendorong kepada masalah dalam sesebuah rumah tangga. Sikap malas ini tidak sama dengan soal tanggungjawab. Malas dalam konteks ini lebih kepada malas berhubung aspek bantu-membantu dalam rumah tangga. Ada suami yang malas membantu isteri dalam menguruskan rumah tangga. Segala tugas di dalam rumah tangga dilakukan secara seorang diri oleh isteri baik dari aspek menguruskan hal rumah sehinggalah menguruskan hal anak-anak. Apabila isteri meminta apa-apa bantuan mereka culas untuk membantu isteri malah lebih memilih untuk menonton televisyen sahaja. Malas ini juga turut berlaku dalam kalangan isteri di mana isteri malas untuk menguruskan rumah tangga seperti malas memasak, malas mengemas rumah malah ada sesetengah isteri yang lebih suka untuk meluangkan masa di luar.

Tidak dinafikan sememangnya jika diteliti hukum syarak, tanggungjawab untuk menguruskan rumah tangga adalah terletak pada lelaki namun norma dan adat kehidupan masyarakat pada hari ini di Malaysia adalah segala urusan di rumah seperti memasak, mengemas dan menguruskan anak-anak dilakukan oleh isteri. Maka apabila seseorang isteri itu malas dalam menguruskan tugas-tugas tersebut, suami pasti akan tertekan dan stress kerana pada asalnya perkahwinan itu dibina dengan harapan agar ada insan yang boleh menguruskan dirinya malah ianya berbeza pula. Sikap-sikap negatif ini jika terus berlanjutan dan tidak diubah pasti akan menimbulkan masalah dalam rumah tangga malah jika ianya tidak diatasi dengan sebaiknya ia mungkin boleh menjadi barah yang dapat menyumbang kepada keretakan rumah tangga itu.

#### **4. Faktor Kelemahan Aspek Fizikal dan Mental**

Sesebuah perkahwinan memerlukan kepada persediaan dari aspek fizikal dan mental yang kuat. Hal ini demikian kerana, perkahwinan itu merupakan satu perkara yang melibatkan komitmen dan tanggungjawab yang tinggi. Kekuatan fizikal dan mental ini adalah soal tentang bagaimana cara seseorang itu menghadapi dan mengatasi segala cabaran dan dugaan yang datang dalam rumah tangga tersebut (Salina Nen, 2012: 20-23). Setiap pasangan perlu mempersiapkan mental dan fizikal yang kental dalam menjalani kehidupan berumah tangga agar segala permasalahan yang berlaku dalam perkahwinan dapat diuruskan secara bijak dan berhemah bah kata pepatah “ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak”. Jika

pasangan kurang bersedia dari sudut ketahanan fizikal dan mental rumah tangga pasti mudah goyah dan berantakan.

Malangnya pada hari ini terdapat ramai pasangan di luar sana yang lemah serta kurang kuat dari sudut ketahanan fizikal dan mentalnya dalam berdepan dengan masalah yang berlaku dalam alam perkahwinan sehingga perkara tersebut dapat mendorong kepada berlakunya perpecahan rumah tangga. Faktor lemahnya ketahanan dari aspek fizikal dan mental ini juga antara perkara yang telah dikenalpasti menjadi punca kepada peningkatan kes perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun di MRS petaling. Perkara ni turut dipersetujui oleh Yang Arif Hakim MRS Petaling di mana menurut beliau kebanyakan kes sebegini yang telah beliau kendalikan adalah disebabkan pasangan-pasangan tersebut tidak kuat dari segi fizikal dan mental untuk terus mempertahankan rumah tangga yang dibina walaupun ianya belum pun mencecah usia setahun. Ini menunjukkan bahawa tidak dapat disangkal lagi mereka yang rata-ratanya bercerai sebelum perkahwinan sempat mencapai tempoh satu tahun ini sememangnya lemah dari sudut ketahanan fizikal dan mentalnya kerana jika diamati tempoh satu tahun itu bukanlah satu tempoh yang begitu lama untuk pasangan-pasangan itu terus kuat dan bertahan bagi memperjuangkan perkahwinan tersebut supaya terus bertahan dan utuh.

Tidak dinafikan tempoh lima tahun awal perkahwinan sememangnya merupakan satu tempoh yang sangat-sangat mencabar. Tempoh tersebut merupakan satu tempoh di mana rumah tangga akan diuji dari pelbagai sudut. Tempoh ini juga merupakan masa bagi pasangan untuk mula menyusun langkah mengatur strategi kehidupan serta menstabilkan kewangan. Pasangan yang kuat dari segi fizikal dan mentalnya pasti akan lebih faham keadaan dan situasi pasangan masing-masing malah mereka akan sentiasa untuk terus mendukung antara satu sama lain walau apa pun cabaran yang mendatang. Menurut Tuan Ali Najmi Noordin, perceraian juga banyak berlaku dalam kalangan pasangan yang baru sahaja mendirikan rumah tangga terutamanya bagi mereka yang masih berusia muda adalah kerana kebanyakan mereka ini kahwin secara terburu-buru di mana kekuatan dari sudut fizikal dan mental belum benar-benar dapat dipersiapkan dengan sebaiknya.

Aspek fizikal dan mental ini turut mempengaruhi tahap kematangan seseorang di mana mereka yang lemah fizikal dan mental juga akan menjadi kurang matang dalam apa-apa tindakan. Hal ini menyebabkan apabila mereka baru sahaja diuji dengan sedikit kesusahan dan kesulitan dalam rumah tangga, mereka sudah tidak lagi betah dan mampu untuk terus bertahan dalam perkahwinan tersebut. Kurangnya kematangan dalam membuat apa-apa pertimbangan membuatkan mereka cepat melatah apabila berdepan dengan

masalah dan krisis yang melanda rumah tangga lantas mereka memilih untuk mengakhiri perkahwinan itu walaupun usia perkahwinan masih lagi muda tidak sampai satu tahun.

## **5. Faktor Campur Tangan Pihak Ketiga**

Sehingga kini tidak ada satu takrifan yang khusus berhubung istilah orang ketiga kerana sesiapa sahaja boleh menjadi orang ketiga dalam sesebuah rumah tangga orang lain. Namun, lazimnya orang ketiga ini dikenali sebagai mana-mana orang tidak kira sama ada orang lelaki mahupun perempuan yang cuba untuk mencampuri, mengeruh serta mengganggu gugat keharmonian rumah tangga orang lain (Nur Anis Nabilla & Nurbazla, 2019: 15-24). Orang ketiga ini antaranya termasuklah ahli keluarga sendiri seperti ibu bapa, adik beradik, ipar duai dan sebagainya. Boleh jadi juga orang ketiga itu adalah kekasih atau bekas kekasih, rakan atau rakan sekerja, majikan, jiran atau lain-lain individu yang dikatakan cuba untuk menjadikan rumah tangga orang lain porak peranda. Tidak dinafikan antara perkara yang sering menjadi punca utama kepada berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan oleh campur tangan pihak ketiga sehingga di dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor ada diperuntukkan beberapa seksyen khas berhubung kesalahan mengganggu rumah tangga orang lain.

Ini bermaksud, menurut Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, perbuatan mengganggu keharmonian rumah tangga orang lain sehingga menyebabkan perceraian adalah dikira sebagai satu kesalahan jenayah syariah dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah. Kesalahan tersebut diperuntukkan bermula dari Seksyen 32, 33 dan 34 yang menyebut secara jelas mengenai gangguan orang ketiga dalam rumahtangga. Peruntukan seksyen ini dapat memberikan gambaran kepada kita bahawa perkara sebegini sememangnya ada berlaku dalam realiti masyarakat sehingga ianya memerlukan kepada satu peruntukan khusus sebagai melindungi hak dan kepentingan individu dalam mempertahankan perkahwinan mereka. Hasil kajian ini turut mendapati bahawa antara faktor utama lain yang telah mendorong kepada peningkatan kes perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang daripada tempoh satu tahun di MRS Petaling adalah disebabkan oleh faktor campur tangan pihak ketiga. Ini adalah berdasarkan daripada penelitian fail-fail kes dan juga hasil dapatan temu bual yang dibuat bersama Hakim MRS Petaling yang mana dinyatakan oleh hakim bahawa faktor campur tangan pihak ketiga merupakan antara salah satu sebab popular mengapa terjadinya perceraian bagi perkahwinan berusia kurang dari satu tahun.



Bentuk campur tangan yang kerap terjadi dalam isu ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu yang pertama campur tangan oleh pihak keluarga pihak-pihak itu sendiri manakala yang kedua adalah campur tangan individu lain yang lazimnya dikenali sebagai kekasih gelap. Campur tangan pihak keluarga ini boleh jadi keluarga dari pihak suami dan boleh jadi juga keluarga dari pihak isteri. Campur tangan ini kadang-kadang berlaku oleh kerana pihak keluarga gemar untuk lagi mengapi-apikan keadaan bila mana pasangan suami dan isteri sedang berdepan dengan masalah. Masalah yang sememangnya buruk bertambah lebih keruh disebabkan oleh sikap keluarga yang suka menambah minyak ke dalam api sehingga sesuatu masalah yang asalnya kecil boleh menjadi konflik yang begitu besar sehingga akhirnya boleh menyebabkan terjadinya perceraian.

Selain itu, campur tangan juga banyak berlaku disebabkan oleh sikap ibu bapa yang suka mengongkong dan mengawal segala perkara dan urusan dalam rumah tangga anak-anak. Ianya meliputi kawalan dari sudut urusan hidup seharian, pengurusan kewangan, urusan penjagaan anak dan lain-lain perkara lagi. Ada ibu bapa yang malah menghalang anaknya daripada keluar dari rumah mereka yakni rumah ibu bapa tersebut setelah anak itu berkahwin dalam erti kata lain menghalang anak untuk tinggal berasingan dan hidup berdikari sendiri bersama pasangannya selepas berkahwin. Ada juga ibu bapa yang mengarah dan meminta anak-anak untuk membina atau membeli rumah berdekatan dengan rumah ibu bapa kerana tidak boleh berjauhan dengan mereka. Contoh lain ibu bapa mengawal urusan rumah tangga anak mereka adalah seperti mengawal dari sudut pengurusan kewangan anak-anak waima setelah anak-anak tersebut berkahwin. Ada ibu bapa yang gemar mengatur kewangan anak-anak misalnya menetapkan kadar jumlah wang yang harus diberikan oleh anak-anak kepada mereka pada setiap bulan malah ada juga di antara mereka yang sering meminta duit anak-anak untuk apa-apa urusan mereka sehingga tidak memikirkan tentang situasi anak-anak yang tentunya memerlukan lebih banyak komitmen berhubung kewangan setelah berkahwin.

Selain itu, campur tangan dari pihak keluarga juga mungkin terjadi apabila ibu atau bapa mertua tidak sukakan kepada menantu. Apabila mereka tidak suka kepada menantu tersebut, mereka sering mencari ruang untuk mencari kesalahan dan keburukan menantu itu bahkan lebih teruk lagi mereka malah menghasut ahli keluarga lain untuk turut membenci dan tidak menyukainya. Keadaan ini akan membawa kepada satu suasana dan hubungan yang tidak baik antara menantu dan juga keluarga mertua. Perkara ini sekali gus dapat memberi kesan dan impak yang negatif terhadap hubungan suami isteri itu di mana perkahwinan itu sepatutnya bukan sahaja menyatukan dua jiwa malah ianya turut menyatukan dua buah keluarga namun ianya malah direnggangkan.

Maka jika penyatuan tersebut tidak dapat dibina sudah tentu ianya dapat memberi kesan kepada kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga pasangan.

Seterusnya, campur tangan yang kedua pula adalah campur tangan daripada orang ketiga yang selalunya dikaitkan dengan isu kekasih gelap. Pasangan yang kerap bercerai sebelum tempoh perkahwinan mencapai usia satu tahun ini juga lazimnya berpunca daripada isu curang terhadap pasangan. Kekasih gelap ini boleh jadi mereka dari kalangan kenalan terdahulu misalnya bekas kekasih lama, kenalan di tempat kerja ataupun majikan atau juga kenalan baru yang mereka temui. Antara kes yang popular cerai dengan disebabkan oleh orang ketiga dalam rumah tangga adalah disebabkan oleh pasangan tidak kira sama ada suami atau isteri itu menjalinkan hubungan cinta dengan bekas kekasih lama mereka. Yang Arif Hakim memberitahu dalam sesi temu bual bahawa beliau pernah berpengalaman mengendalikan satu kes di mana perceraian berlaku disebabkan oleh suami tidak dapat melupakan bekas kekasih lama dan masih berhubung dengan bekas kekasihnya selepas berkahwin. Kemudian apabila diketahui isteri, maka berlakulah pergaduhan, pertelingkahan dan sebagainya sehingga membawa kepada perceraian.

Antara lainnya ada juga dalam kalangan mereka ini yang menjalinkan hubungan cinta dengan kekasih yang ditemui mereka melalui atas talian. Seajar dengan perkembangan teknologi moden pada hari ini yang kian pesat, kita didedahkan dengan pelbagai aplikasi dengan fungsi yang pelbagai termasuklah aplikasi-aplikasi mencari pasangan (*dating apps*) misalnya *omi*, *tinder*, *mi-chat* dan sebagainya. Maka selain daripada melalui *facebook*, *instagram*, *tik tok* dan sebagainya, platform ini juga menjadi tempat di mana bermulanya bibit-bibit percintaan dengan orang ketiga secara senyap-senyap di belakang pasangan. Di samping itu, pasangan juga banyak berlaku curang dengan kenalan sekerja tidak kira sama ada rakan sejawat mahupun dengan majikan mereka sendiri. Perkara ini terjadi kerana tiada had dan limitasi dalam pergaulan di antara sesama rakan di tempat kerja. Mereka tidak menjaga batas pergaulan di tempat kerja dengan sebaiknya mengikut kesesuaian status mereka yang merupakan suami atau isteri orang sehingga ianya dapat membuka ruang kepada berlakunya perkara yang tidak diinginkan ini.

Oleh itu, campur tangan pihak ketiga dalam rumah tangga sememangnya dapat memberikan impak yang besar dalam keharmonian rumah tangga. Perbuatan ibu bapa atau pihak keluarga yang tidak memberi ruang dan kebebasan untuk pasangan mengemudikan serta menguruskan rumah tangga dengan cara mereka sendiri dapat mengganggu kelangsungan perjalanan rumah tangga itu. Campur tangan pihak ketiga yang merupakan kekasih gelap malah

memberi kesan yang lebih besar di mana ianya dapat membuatkan pasangan itu hilang rasa percaya dengan pasangannya lalu tawar hati untuk meneruskan perkahwinan tersebut.

## **KESIMPULAN**

Terdapat pelbagai faktor didapati mempengaruhi serta menjadi punca kepada berlakunya masalah keruntuhan dalam sesebuah rumah tangga. Peningkatan kadar perceraian dalam kalangan pasangan muslim saban hari cukup merisaukan. Lebih membimbangkan, terdapat banyak daripada kes tersebut melibatkan perkahwinan yang usianya begitu muda iaitu belum sempat mencapai tempoh satu tahun. Kajian mendapati bahawa pasangan yang paling banyak terlibat dengan kes perceraian sebegini adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 20-30 tahun serta pasangan yang kurang stabil dari sudut ekonomi dan kewangan mereka. Selain itu, turut didapati perkahwinan yang banyak dikaitkan dengan masalah ini adalah merupakan perkahwinan kali pertama serta kaedah perceraian yang sering digunakan dalam perceraian ini adalah perceraian melalui permohonan perceraian dengan lafaz talak dan perceraian melalui pengesahan lafaz cerai. Antara faktor utama yang dikenalpasti telah mendorong kepada peningkatan kes perceraian bagi perkahwinan kurang dari setahun ini adalah disebabkan oleh ketidakstabilan ekonomi dan kewangan, pengabaian tanggungjawab, masalah akhlak dan sikap pasangan, pasangan lemah ketahanan aspek fizikal dan mental serta campur tangan pihak ketiga dalam rumah tangga. Masalah ini akan terus menular dan menjadi barah dalam masyarakat jika ianya tidak dicari solusi dan langkah penyelesaian terbaik bagi menanganinya.

Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu memberi tumpuan serius terhadap masalah peningkatan kes perceraian terutamanya perceraian bagi perkahwinan yang kurang dari tempoh satu tahun agar masalah ini dapat dibendung dalam masyarakat. Persiapan dan persediaan diri terhadap segala aspek perlulah diperkemas terlebih dahulu oleh semua pasangan yang ingin berkahwin agar mereka lebih bersedia untuk berhadapan dengan segala cabaran dalam berumah tangga. Penambahbaikan dari sudut peranan pihak-pihak berwajib contohnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam mengatasi masalah ini juga mungkin boleh dipertingkatkan lagi misalnya dengan meneliti dan memperhalusi semula modul kursus pra-perkahwinan ataupun boleh juga memperketatkan lagi syarat kelulusan kursus perkahwinan dengan mengadakan peperiksaan serta meletakkan syarat supaya calon yang bakal berkahwin perlu lulus peperiksaan tersebut dahulu. Ini bagi memastikan supaya para peserta yang bakal berkahwin benar-benar mempelajari serta

mendalami ilmu yang disampaikan dalam kursus tersebut dan bukanlah berkursus hanya sekadar melewati syarat sahaja sekali gus ianya pasti dapat diaplikasikan serta dipraktikkan dalam alam perkahwinan nanti.

## **RUJUKAN**

- Abd Al-Rahman Al-Jaziri (1990). *Kitab Al-Fiqh `Ala Al-Madhahib Al-Arba`ah*. Bayrūt: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib (2009). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma`rifātī Ma`ānī Alfāz al-Minhāj*. Bayrūt: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khāṭib (1958). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma`rifātī Ma`ānī Alfāz al-Minhāj*. Miṣr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī.
- Al-Sijistani, Abu Daud Sulaiman bin al-Asy’ath al-Azdi. (2009). Sunan Abi Daud. Damsyiq: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Al-Zuhaili, Muhammad. (2011). Al-Muktamad fi al-Fiqh al-Syafi’i. Vol.4. Damsyiq: Dar alQalam.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1985). Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu. Vol.7. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Alyasak Behran & Wan Abd Fattah Wan Ismail (2016). “Pengetahuan Masyarakat Islam Terhadap Perceraian Luar Mahkamah Di Daerah Tampin, Negeri Sembilan,” *Malaysian Journal of Syariah and Law*, vol. 3, 1-20.
- Aminah al-Jabir. (1992). Al-Talaq fi al-Islam. Qatar: Jami’ah Qatar
- Sudirman (2018). *Pisah Demi Sakinah*. Surabaya: Penerbit Buku Pustaka Radja.
- Harun Din (1983). Fasakh al-Nikah Wa al-Qadaya al-Muta’alliqah bihi: Dirasat Muqarah al-Mazahib al-Fiqhiyah, Kuala Lumpur: Penerbit Maktabah Watan.
- Lateefah Kasamasu, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Syed Mohd Azmi Syed Syed Ab Rahman & Zulkifli Mohd (2017). “Permohonan Fasakh Perkahwinan Kerana Penyalahgunaan Dadah Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 2005,” *Proceeding of The International Conference on Islam Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*.

- Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria & Raihanah Abdullah (2018). "Tuntutan Fasakh: Kajian Dari Perspektif Undang-Undang Tatacara Mal," *Journal Of Shariah Law Research*, vol. 3, no. 1, 1-34.
- Muhammad Ali (2020). *Fiqh Munakahat*. Lampung: Laduny Alifatama.
- Muhammad Amīn Ibn 'umar Ibn 'Ābidīn, Muhammad Ibn 'alī Ḥaṣkafī, Muhammad Ibn 'Abd Allāh Khaṭīb Al-Tamartāshī & Muhammad Ibn Muhammad Amīn Ibn 'Ābidīn (1966). *Ḥāshiyat Radd Al-Muḥtār*. Miṣr: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī.
- Muhammad Ibn Ismā'īl Bukhārī (1976). *Sahih al-Bukhārī*, Riyadh: Darussalam Pub. & Distr
- Noor Syaibah Shahbudin, Norazilah Johari, Nohasima Abdullah & Syazwana Abdullah (2016). "Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor," *Malaysian Journal of Social Science*, vol. 1, 36-52.
- Norsyahidah Norazam & Norasmah Othman (2017). "Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan," *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, vol. 1, no. 1, 183-193.
- Nur Anis Nabilla Muhammad & Nurbazla Ismail (2019). "Pelaksanaan Undang Di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga Dalam Rumahtangga," *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, vol. 16, no. 1, 15-24.
- Nur Muzdalifah Zulkarnain & Zaimah Ramli (2020). "Perancangan Kewangan Ke Arah Perkahwinan Dalam Kalangan Belia," *Jurnal Wacana Sarjana*, vol. 4, no. 2, 1-14.
- Roziana Mat Amin, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Raihanah Abdullah (2022). *Pembubaran Perkahwinan, Nusyuz dan Idah di Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Salleh Ismail (2003). *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Wizarah al-Awqaf wa Syu'un al-Islamiyyah. (1993). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Vol.29. Dar alSofwah: Kuwait.

### **Senarai Statut**

- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.  
Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

### **Senarai Kes**

Kes Saman No: 10001-054-0068-2017

Kes Saman No: 10015-054-0275-2018

Kes Saman No: 10015-054-0267-2018

Kes Saman No: 10015-055-0176-2019

Kes Saman No: 10015-054-0470-2019

Kes Saman No: 10015-054-0491-2020

Kes Saman No: 10015-054-0444-2020

Kes Saman No: 10016-054-0408-2021

Kes Saman No: 10016-054-0465-2021

### **Temu bual**

Ali Najmi Noordin (Hakim, Mahkamah Rendah Syariah Petaling), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 5 Julai 2022.

Noorafizah Abdul Aziz (Peguam Syarie, Tetuan Noorafizah & Associates), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 2 Julai 2022.